



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 953]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 997]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pendaftaran Ekspot Getah (Pindaan) [Ruangan 997]

Rang Undang-undang Cap Dagangan [Ruangan 1011]

Rang Undang-undang Polis (Pindaan) [Ruangan 1021]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
S.P.M.J. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI
BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD,
S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- " Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- " Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- " Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., J.M.N. (Pulai).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- " Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- " Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- " Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

Yang Berhormat TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

- " TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- " DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- " DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- " TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- " TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- " TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- " TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LESEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- " TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- " TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- " DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- " TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- " TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- " TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- " TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S., (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA DEWAN RAKYAT

Isnin, 12hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERTUBUHAN RELA/RUKUN TETANGGA/MASYARAKAT

1. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan menganggap bahawa terlalu banyak pertubuhan seperti RELA, Rukun Tetangga dan Pertubuhan Masyarakat telah dianjurkan oleh Kerajaan sendiri di satu-satu tempat atau kawasan; jika ya, nyatakan tujuan-tujuan Kerajaan yang sebenar dalam menubuhkan ketiga-tiga pertubuhan di atas;
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa di sesuatu tempat itu terdapat dua atau tiga pertubuhan bergerak serentak dan samada difikirkan membuang masa kerana orang-orang yang mengambil bahagian adalah sama sahaja; jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil untuk menyelaraskan pertubuhan-pertubuhan ini supaya tidak bercanggah antara satu sama lain; dan
- (c) samada Kerajaan sedar bahawa ada tempat-tempat di mana RELA dan Rukun Tetangga bergerak serentak; jika ya, nyatakan pandangan Kerajaan terhadap perkara ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menganggap bahawa terlalu banyak pertubuhan RELA, Rukun Tetangga dan Pertubuhan Masyarakat telah dianjurkan oleh Kerajaan sendiri di satu-satu tempat atau kawasan.

Bagi menjawab soalan (b) Kerajaan sedar terdapatnya dua atau tiga pertubuhan sukarela yang bergerak serentak di sesuatu tempat. Namun begitu setelah Sekim Rukun Tetangga ditubuhkan di tempat yang sama, maka perubahan telah dibuat dalam mana pelaksanaan telah dapat diselaraskan sesuai dengan kemampuan tiap-tiap pertubuhan. Di kawasan luar bandar pula penyelarasan telah dan sedang diselenggarakan oleh Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah yang bertanggungjawab di segi keselamatan dan pembangunan.

Mengenai soalan (c), Kerajaan sedar adanya tempat-tempat di mana RELA dan Rukun Tetangga bergerak serentak. Dalam keadaan begini, persetujuan dan arahan telah pun diberi iaitu Ketua Yunit RELA hendaklah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga. Pelaksanaan tugas hendaklah diselaraskan di antara dua pertubuhan itu bersama-sama dengan pihak polis tempatan supaya tugas mereka tidak bercanggah antara satu sama lain.

JUALAN TIKET LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT

2. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Perdana Menteri menyatakan jumlah hasil yang dipungut daripada jualan tiket Loteri Kebajikan Masyarakat tahun lalu dan berapa peratus daripada jualan ini dibelanjakan bagi perkhidmatan kebajikan di Sarawak.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil jualan tiket loteri yang diperolehi bagi tahun 1975, secara anggaran adalah sebanyak \$10,970,031.00. Walau bagaimanapun, angka-angka tersebut belumlah muktamad lagi kerana penyata kira-kira tersebut sedang diodit. Hasil yang diperolehi itu adalah merupakan pendapatan bersih setelah ditolak perbelanjaan mengurus dan cukai pendapatan Kerajaan.

Perlu dinyatakan di sini segala perbelanjaan yang dibuat daripada Kumpulanwang ini adalah berdasarkan kepada permohonan-permohonan yang dikemukakan melalui Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri dan pihak-pihak tertentu selaras dengan Seksyen 5 (4) Akta Lembaga Loteri Kebajikan dan Perkhidmatan Masyarakat, 1962. Kelulusan sesuatu projek adalah juga tertakluk kepada kedudukan kewangan Kumpulanwang ini serta mendapat persetujuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pada dasarnya Negeri Sarawak adalah mendapat bantuan tetap sebanyak \$100,000.00 tiap-tiap tahun dari Kumpulanwang ini, yang mana dikeluarkan melalui Kementerian Kebajikan Am dan berdasarkan kepada permohonan yang dibuat oleh Jabatan Kebajikan Am Sarawak. Walau bagaimanapun, setakat ini bantuan bagi tahun 1975 masih belum lagi dikeluarkan kerana pihak Jabatan Kebajikan Am Sarawak belum lagi mengemukakan permohonannya.

Selain daripada peruntukan di atas, bantuan bagi kegiatan-kegiatan kebajikan yang lain adalah jua diberi dari semasa ke semasa berdasarkan kepada permohonan yang diterima asalkan selaras dengan Seksyen 5 (4) dalam Akta Lembaga Loteri Kebajikan dan Perkhidmatan Masyarakat. Berhubung dengan hal ini, tidak ada permohonan yang diterima dari Negeri Sarawak bagi tahun 1975.

TANGGAGAJI ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN/POLIS

3. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang mengkaji semula dan memperbaiki tanggagaji anggota-anggota Pasukan Keselamatan dan Polis sebagai satu cara untuk meninggikan moral serta mengukuhkan disiplin anggota-anggota Pasukan tersebut dari melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat sehingga akan menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap mereka, sebagaimana yang telah dilaporkan dalam akhbar tempatan dan jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang dijalankan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah memaklumkan ketika menjawab beberapa pertanyaan yang seakan-akan sama dalam sidang Dewan Rakyat ini, bahawa Kerajaan sedang meng-

kaji kedudukan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan anggota-anggota Pasukan Polis berpangkat rendah dan kajian ini masih dijalankan. Dalam kajian itu gaji dan syarat-syarat perkhidmatan anggota-anggota Pasukan Keselamatan akan juga diperiksa.

KEMAJUAN ANTARA WILAYAH/NEGERI

4. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak mengkaji semula dan menilai kedudukan perkembangan ekonomi daerah-daerah luar bandar yang tidak ada perimbangan banding antara satu dengan lain dan menyusun satu strategi rancangan baru yang lebih adil, saksama dan dinamis.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar akan perlunya mengadakan kemajuan yang lebih seimbang di antara wilayah-wilayah dan negeri-negeri di negara ini. Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, matlamat yang utama ialah melaksana dan menempatkan lebih banyak lagi projek-projek pertanian, industri, pelajaran, kesihatan dan projek-projek lain di negeri-negeri dan daerah-daerah yang berpendapatan rendah dan juga memajukan pusat-pusat pertumbuhan baru untuk menggalakkan penyebaran aktiviti-aktiviti ekonomi ke kawasan yang kurang maju. Untuk menjayakan usaha-usaha ini, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan serta Kerajaan-kerajaan Negeri dan Perbadanan mereka akan menumpukan usaha mereka kepada persediaan dan pelaksanaan projek-projek yang baru terutama sekali projek-projek yang penting untuk membasmi kemiskinan di negeri-negeri yang kurang maju. Ini akan diberi keutamaan supaya kawasan-kawasan luar bandar dan daerah-daerah dapat mengecap sebahagian besar nikmat dari kemajuan negara.

TUNJUK PERASAAN LAPAR DI BALING

5. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan-rancangan pembangunan yang telah disusun oleh Kerajaan untuk rakyat kawasan Baling setelah tercetusnya tunjuk-tunjuk perasaan lapar yang lalu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan di sini bahawa di

dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan akan memberi keutamaan kepada negeri-negeri dan tempat-tempat yang selama ini paling kurang mengalami pembangunan dan yang juga paling banyak mengalami kemiskinan. Oleh itu dalam jangkamasa Rancangan Malaysia ketiga, Negeri Kedah dan Perlis di wilayah utara, Kelantan dan Trengganu di wilayah Timur Semenanjung, Sarawak dan Sabah akan menerima peruntukan terbesar dalam perbelanjaan pembangunan dari segi jumlah mahupun dari segi per kapita.

Program-program dan projek-projek yang akan dilaksanakan dalam masa Rancangan bertujuan untuk membawa pembangunan ke tempat-tempat yang kurang maju. Sungguhpun kebanyakan dari projek-projek pembangunan itu terdiri dari projek-projek pertanian, jalanraya dan pembangunan tanah yang bertujuan meninggikan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar yang miskin, projek yang bertujuan memperbaiki mutu kehidupan penduduk-penduduk di luar bandar seperti memberikan perkhidmatan pelajaran, kesihatan, pembekalan api letrik dan air dan juga perkhidmatan-perkhidmatan lain akan juga diadakan.

Selain daripada usaha-usaha pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri juga telah diarah untuk memberikan perhatian yang lebih kepada daerah-daerah yang kurang maju di dalam negeri masing-masing.

Oleh hal yang demikian, saya tidaklah bercadang untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat mengenai projek-projek pembangunan yang dirancang untuk penduduk-penduduk Baling atau di tempat-tempat lain juga setakat ini, kerana Parlimen akan diberi peluang sepenuh-penuhnya untuk membahas perkara ini bila Rancangan Malaysia Ketiga dibentangkan dalam bulan Julai nanti.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin tidak hadir).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin tidak hadir).

JEMAAH HAJI MALAYSIA

8. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Jumlah Jemaah-jemaah Haji Malaysia Tahun 1975 yang menunaikan Fardu Haji;
- (b) daripada jumlah yang tersebut berapa ramai yang meninggal dunia samada semasa dalam perjalanan atau di Mekah; dan
- (c) apakah sebab-sebab kematian tersebut dan adakah usaha-usaha telah dijalankan untuk mengurangkan kematian di masa-masa akan datang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seramai 15,735 Jemaah Haji Malaysia telah menunaikan Fardu Haji dalam Musim Haji 1975 (1395 Hijrah).
- (b) Jumlah kematian Jemaah Haji Malaysia yang dilaporkan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji dalam Musim Haji yang lalu ialah 518 orang. Sembilan orang meninggal dunia dalam pelayaran pergi, seorang di dalam penerbangan pergi dan 40 dalam pelayaran balik, sementara yang meninggal di Tanah Suci ialah seramai 468 orang.
- (c) Jemaah-jemaah Haji yang meninggal dunia adalah didapati mengidap penyakit-penyakit seperti berikut:

Sakit paru-paru	...	...	80%
Sakit jantung	...	...	10%
Sakit lumpuh	...	...	6%
Sakit ceret-beret	...	...	2%
Lain-lain penyakit	...	...	2%

75% daripada kematian itu adalah orang tua yang berumur lebih daripada 60 tahun. Mereka inilah golongan yang sering mendapat sakit jantung dan lumpuh dan sakit paru-paru terutama sekali dalam iklim yang sejuk dan udara yang kering dan berhabuk seperti di kawasan Tanah Suci.

Sebagai orang Islam kita mempercayai ajal dan maut itu di tangan Tuhan dan Tuhan sahajalah yang berkuasa di atas

makhlukNya. Walau bagaimanapun, sebagai ikhtiar usaha-usaha sedang dijalankan dan diambil oleh pihak perubatan kita untuk menasihatkan Jemaah Haji mengenai kesihatan dan memperbaiki perkhidmatan perubatan di Tanah Suci.

JEMAAH HAJI DAN LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Jemaah Haji kita ke Mekah tidak dapat diselesaikan dari setahun ke setahun; dan samada keadaan ini berlaku disebabkan ketiadaan kerjasama Sheikh-sheikh di Mekah dan LUTH, dan jika ya, apakah tindakan selanjutnya yang telah diambil oleh Kerajaan atas perkara ini.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji sejak ditubuhkan adalah sentiasa berusaha menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh Jemaah Haji kita di Tanah Suci dari tahun ke tahun menurut bidangkuasa Lembaga Urusan dan Tabung Haji melainkan perkara mengenai Peraturan Haji yang dikenakan oleh pihak-pihak yang berkuasa Kerajaan Arab Saudi. Perlulah dinyatakan bahawa segolongan besar daripada Jemaah Haji kita dari Malaysia pada tiap-tiap tahun adalah terdiri dari Jemaah Haji yang pertama kalinya menunaikan fardhu hajinya. Mereka ini biasanya menghadapi beberapa kesulitan sementara, seperti menyesuaikan diri dengan iklim di Tanah Suci, makanan, keadaan yang bersesak-sesak di tempat tinggal, masalah kenderaan dan lain-lain.

Mengenai masalah pentadbiran pula, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dengan sedaya upaya cuba mengatasi masalah-masalah tersebut. Perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan dan kemudahan-kemudahan perubatan kepada Jemaah-jemaah Haji Malaysia telah diperbanyakkan dari setahun ke setahun. Dalam banyak perkara pihak Kerajaan Arab Saudi telah memberi kerjasama dan khidmat bagi mengatasi masalah-masalah tersebut. Walau bagaimanapun, Lembaga Urusan dan Tabung Haji sentiasa berusaha memperbaiki keadaan dan Kebajikan Jemaah-jemaah Haji Malaysia kita.

Pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji telahpun menghantar suatu memorandum kepada Kementerian Luar Negeri meminta Kedutaan Malaysia di Jeddah merundingkan serta mengemukakan cadangan-cadangan yang menasabah bagi mengatasi kesulitan-kesulitan yang telah berbangkit daripada pelaksanaan Peraturan Haji yang baru dilaksanakan pada tahun sudah. Adalah diharapkan semoga pihak berkuasa Kerajaan Arab Saudi dapat mengembalikan peraturan atau sistem Haji yang asal dahulu. Pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan menghantar pegawai-pegawai kanannya ke Arab Saudi untuk berunding di peringkat-pegawai-pegawai di Arab Saudi dalam bulan Jamadil Akhir (Mei/Jun) akan datang. Maka adalah diharapkan keadaan yang lebih baik dan selisa dapat diatur bagi kepentingan seluruh Jemaah Haji dari Malaysia dengan ikhsan dari Kerajaan Arab Saudi.

Pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji juga sedang menyediakan bekalan-bekalan makanan yang seragam mulai musim Haji yang akan datang ini untuk memudahkan mereka mendapatkan bahan-bahan makanan yang berzat serta mengurangkan perbelanjaan. Bekalan ini ialah untuk sebulan, iaitu untuk 10 hari di Madinah, 14 hari di Mekah dan 6 hari di Arafat dan Mina. Tiap-tiap Jemaah Haji akan dapat menerima bekalan ini waktu tiba di Tanah Suci kelak.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Adakah kekurangan pendaftaran bakal-bakal haji pada tahun ini disebabkan oleh pekerja-pekerja haji tidak mendapat kemudahan dan tidak puas hati.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran jemaah haji tahun ini agak berkurangan daripada tahun yang sudah maka pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji sedang membuat kajian yang teliti. Mungkin oleh kerana kenaikan harga bayaran yang dikenakan oleh sebab kenaikan bayaran-bayaran yang dikenakan di tanah suci, belanja syekh dan juga tambang dan sebagainya. Mungkin dengan sebab kenaikan tambang dan perbelanjaan ini menyebabkan kurangnya pendaftaran bagi jemaah haji termasuk juga mungkin perkara yang difikirkan kesulitan yang dihadapi oleh ahli Jemaah haji kita oleh sebab peraturan-peraturan yang dikenakan

kepada jemaah haji pada tahun yang lalu. Maka itulah sebabnya seperti yang saya nyatakan pada awal tadi pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji pada tahun ini akan cuba merundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan di tanah suci bagi mengatasi masalah serta untuk mengurangkan perbelanjaan mengadakan bentuk bekalan makanan seperti ration yang akan dibekalkan kepada tiap-tiap jemaah haji tahun ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang tercatat pada soalan saya ialah berkenaan dengan kerjasama antara syeikh-syeikh haji dengan pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Apakah benar bahawa syeikh-syeikh haji ini kurang berminat ataupun kurang rapat dengan pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji memang mengadakan daya-usaha menjemput semua syeikh-syeikh haji untuk mengadakan perjumpaan berunding bertukar-tukar fikiran. Walaupun begitu bagi tahun ini satu Bilik Gerakan khusus akan diadakan di Mekah yang akan disenaraikan semua sekali nama-nama syeikh Haji di Bilik Gerakan kita serta jemaah-jemaah haji yang ada dengan syeikh-syeikh tersebut bagi memudahkan lagi kita menghubungkan dan mendapat kerjasama dari syeikh-syeikh haji yang berkenaan. Usaha ini akan dijayakan bagi mengadakan keadaan perasaan muhibah di antara syeikh-syeikh haji dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyebutkan bahawa kemungkinan kurangnya pendaftaran bakal-bakal haji tahun ini disebabkan kenaikan harga, kenaikan tambang ataupun perbelanjaan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini kenapakah tambang-tambang dan perbelanjaan ke Mekah pada tahun ini begitu tinggi sekali berbanding dengan tahun-tahun yang sudah.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah oleh kerana membandingkan dengan perbelanjaan pada tahun yang sudah. Jadi untuk

mengelakkan ahli-ahli kita jangan melibatkan kesulitan di tanah suci maka itulah kita kena-kan supaya jemaah haji kita menyediakan peruntukan yang lebih besar sedikit oleh kerana pada tahun yang lalu ada kedapatan ahli-ahli kita yang terkandas oleh kerana perbelanjaan yang tinggi termasuk tambang-menambang, bahkan makanan, tempat tinggal atau keselesaan yang lain. Itulah sebabnya dikenakan peraturan ini membandingkan perbelanjaan yang terpaksa dibelanjakan oleh jemaah haji pada tahun yang sudah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa selama ini keadaan yang tidak puas hati ini timbul disebabkan oleh pegawai-pegawai yang dihantar oleh pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk berkhidmat di sana banyak yang tidak begitu mahir bercakap Arab. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat cadangan mengambil pelajar-pelajar kita yang berada di sana untuk menjadi pegawai sementara ataupun bekerja di Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya koordinasi antara Lembaga Urusan dan Tabung Haji dengan keadaan di Arab itu lebih baik.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kebetulan pada tahun sudah saya sendiri juga ada menunaikan fardzu haji, maka masalah ini telah kita kaji dengan lebih mendalam dan dengan sebab itu kita telah mengarahkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya dapat mengambil kerjasama dengan pelajar-pelajar kita di Mekah dan juga Madinah. Saya sendiri telah berjumpa dengan Pengerusi Jawatankuasa Persatuan Pelajar kita di sana untuk merundingkan perkara ini. Begitu juga pegawai-pegawai kebajikan kita yang kita hantar dari sini memang telahpun dilatih supaya mereka itu mahir dalam bahasa Arab. Dan saya memberitahu kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji sekiranya ada pegawai-pegawai yang hendak dihantar ke sana tiap-tiap pegawai itu mestilah boleh bertutur bahasa Arab kalau boleh dengan fasihnya, dan kalau boleh mereka itu bukan sahaja fasih bahasa Arab tetapi tahu selok-belok, adat resam serta tempat-tempat penting dan tempat tinggal syeikh-syeikh Haji di Tanah Suci.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, syeikh-syeikh haji pun pandai bercakap bahasa Melayu, bukan?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Ism: Ya, syeikh-syeikh haji ramai juga orang kita Melayu.

PEMBELIAN KAPALTERBANG DC-10

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa MAS telah membeli 2 buah kapal terbang jenis DC-10 dengan harga US\$ 100,000,000 walhal Japan Airlines telah membeli 6 buah kapal terbang DC-10 dengan harga US \$150,000,000 sahaja, jika ya, samada Kerajaan akan mengambil tindakan ke atas orang-orang yang bertanggungjawab membeli kapal terbang-kapal terbang itu dengan harga yang sangat mahal.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang pembelian 2 buah kapal terbang jenis DC-10 oleh MAS tetapi harganya bukanlah US \$100,000,000 seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Harga sebenar bagi 2 buah kapal terbang itu ialah US \$58.6 juta, dan ini termasuk "estimated escalation cost".

Harga pembelian bagi kapal terbang-kapal terbang yang dibeli oleh Syarikat Penerbangan Jepun adalah di luar pengetahuan kita.

PEMBELIAN KAPALTERBANG LOCKHEED/BOEING/NORTHROP

11. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa Syarikat Berbilang-Negara seperti Lockheed, Boeing, Northrop dan lain-lain diancam kerana menyampaikan wang suap kepada pegawai-pegawai syarikat penerbangan dan jika sedar, samada beliau telah menyiasat perhubungan dengan Syarikat Lockheed dan Boeing, berkaitan dengan pembelian kapal terbang-kapal terbang Tri-Star dan Boeing oleh Syarikat MAS.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu tentang berita pemberi wang suap berkaitan dengan Syarikat Lockheed, Boeing dan Northrop di dalam akhbar-akhbar yang disiarkan dari masa ke semasa. Berita-berita tersebut tidak ada kaitannya dengan pembelian kapal terbang oleh MAS. MAS tidak membeli kapal terbang daripada Syarikat Lockheed atau Northrop.

Sebelum Syarikat MAS melancarkan perkhidmatannya Syarikat itu telah mengkaji dengan teliti tentang jenis kapal terbang yang sesuai bagi perkhidmatan-perkhidmatannya. Pada masa itu Syarikat MAS telahpun mengguna kapal terbang jenis B737 bagi perkhidmatan dalam negeri dan juga perkhidmatan-perkhidmatan di rantau ini (regional services). Kajian itu dibuat memandangkan kepada faktor-faktor seperti banyaknya penumpang-penumpang yang akan dibawa, jauhnya perkhidmatan-perkhidmatan itu, panjangnya landasan kapal terbang, juruterbang-juruterbang yang telahpun dilatih untuk membawa kapal terbang jenis B737 dan juga juruteknik-juruteknik yang terlatih bagi kapal terbang-kapal terbang yang tersebut.

Setelah dikaji faktor-faktor yang tersebut termasuk harga kapal terbang, harga spares, spare enjin dan juga perkara-perkara lain, Syarikat MAS berpendapat bahawa kapal terbang jenis B737-200 memakai enjin yang termoden iaitu JT8D adalah lebih sesuai bagi perkhidmatan-perkhidmatannya. Pihak Kerajaan telahpun bersetuju dengan pendapat itu dan meluluskan pembelian kapal terbang tersebut. Pada masa ini, Syarikat MAS telahpun mempunyai 9 buah kapal terbang jenis B737.

Sebarang penyiasatan adalah tidak berlaku dan tidak berbangkit.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar antara akibat siasatan yang dibuat oleh jawatankuasa kecil tentang Syarikat Multi-National di Amerika Syarikat adalah didapati Syarikat Boeing pun ada membuat pay-off kepada beberapa orang pegawai yang membeli kapal terbang Boeing. Adakah Kerajaan kita mahupun Kementerian Perhubungan membuat siasatan antara pay-off yang dibuat oleh Syarikat Boeing mungkin ada pegawai-pegawai kita yang mendapat pay-off daripada Boeing.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri telah menjawab, tidak melalui syarikat yang disebutkan. Oleh itu, tidak perlu dijawab melainkan kalau Yang Berhormat Menteri suka hendak menjawab.

LELAKI MENUKAR JANTINA JADI WANITA

12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan mengambil perhatian tentang ramainya kaum lelaki yang ingin menukar jantina menjadi wanita di negara ini pada masa sekarang dan samada perbuatan ini digalakkan oleh Kerajaan. Apakah akibat dari keadaan ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada negeri di dunia ini yang mempunyai dasar yang tegas untuk menggalak ataupun menegah penukaran jantina. Pembedahan penukaran jantina hanya dilakukan di mana individu yang berkenaan memikirkan perlu penukaran itu dibuat dan setelah dikaji sedalam-dalamnya keadaan tubuh badan, perasaan dan juga keperluan-keperluan jasmani individu tersebut dan difikirkan bahawa penukaran jantina itu akan menjadikan lebih selesa dan dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna. Kajian tubuh badan ini dilakukan oleh satu pasukan yang mengandungi Pakar Perbidanan dan Sakitpuan, Pakar Perubatan Jiwa dan Pegawai Ilmu Jiwa bagi satu tempoh yang panjang, ada kalanya lebih daripada 1 tahun sebelum pembedahan penukaran jantina dilakukan.

Di negeri kita khasnya, tidak ada tanda tentang bertambah ramainya penukaran jantina dari lelaki kepada perempuan di negara ini. Dari tahun 1975 hingga ke masa ini 6 kes penukaran jenis dari lelaki kepada perempuan telah dilakukan di Hospital Universiti dan 3 kes yang lain telah dirujuk ke Hospital di Singapura, satu daripadanya telah dilakukan pembedahan dan 2 lagi telah ditolak. Satu kes daripada Hospital Besar Kuala Lumpur telah dirujuk untuk pembedahan ke Singapura tetapi keputusan-nya tidaklah diketahui.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Menteri Kesihatan memikirkan bahawa lebih baik kita mengembalikan tenaga kelelakian seseorang itu daripada kita membedahkan dia menjadi wanita sebab wanita kita pun makin sehari makin bertambah. Jadi

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa yang hendak dikembalikan kalau tidak ada (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebab saya rasa mengikut keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri itu bahawa benda itu ada—sebab itu kena dibedah. (*Ketawa*). Itulah yang saya hendak meminta Yang Berhormat Menteri menerangkan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham apakah perkataan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu—benda apa? (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat pun tidak tahu benda apa. (*Ketawa*).

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya bertanya kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sama-sama tahulah (*Ketawa*).

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya suka hendak bertanya kepada Ahli Berhormat itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Benda itulah (*Ketawa*).

Tan Sri Lee Siok Yew: Jadi, understood-lah (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa jawabnya? (*Ketawa*).

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya, ini cuma boleh dilakukan jikalau seseorang individu untuk menukar jantinya itu boleh daripada separuh lelaki atau separuh perempuan kepada perempuan sahaja, kalau perempuan sahaja tidak boleh ditukar kepada lelaki.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu semua orang tahu. (*Ketawa*).

PELABURAN USAHASAMA BUMIPUTRA

13. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelaburan yang disatukan dan peratus saham Bumiputra atau

Syarikat Bumiputra yang diperlukan untuk membolehkan sesebuah industri dapat didirikan dengan cara usahasama dan tempoh taraf perintis yang diberikan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samad): Tuan Yang di-Pertua, jumlah modal pelaburan di dalam projek-projek perindustrian adalah berbeza-beza mengikut jenis projek yang diusahakan. Kementerian saya tiada menetapkan jumlah modal pelaburan yang tertentu bagi menubuhkan sesuatu perusahaan samada secara usaha bersama atau tidak. Walau bagaimanapun, bagi tiap-tiap projek perindustrian, syarikat-syarikat yang mengusahakannya disyaratkan supaya memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada pelaburan ekuitinya untuk dipunyai oleh pelabur bumiputra atau syarikat bumiputra. Ada juga projek-projek yang dikehendaki supaya memperuntukkan kadar yang lebih tinggi daripada ini bergantung kepada projek-projek itu sendiri.

Galakan Taraf Perintis kepada projek-projek usaha-bersama diberikan berdasarkan kepada beberapa pertimbangan. Galakan ini biasanya diluluskan kepada:

- (1) Syarikat-syarikat yang mengeluarkan barang-barang yang belum lagi dibuat secara besar-besaran sesuai dengan keperluan ekonomi Malaysia;
- (2) Perusahaan-perusahaan yang penting bagi keperluan masyarakat;
- (3) Syarikat-syarikat yang mengekspotkan sejumlah besar daripada pengeluarannya; dan
- (4) Syarikat-syarikat yang tiada dapat dimajukan tanpa galakan taraf perintis.

Syarikat-syarikat bertaraf perintis dibenarkan mendapat kelepasan cukai permulaan selama dua tahun. Lanjutan kelepasan cukai ini akan diberikan sehingga lima tahun mengikut jumlah pelaburan modalnya. Selain daripada itu syarikat-syarikat itu juga diberikan satu tahun tambahan bagi tiap-tiap syarat berikut ini, membawa kepada lapan tahun:

- (1) Jika kilang perintis itu terletak di kawasan pembangunan;
- (2) Jika barang-barang yang dikeluarkan ialah barang-barang yang diutamakan.
- (3) Jika kandungan bahan-bahan Malaysia yang digunakan melebihi daripada 50%.

SEWA RUMAH

14. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengkaji kenaikan sewa rumah yang melambung naik telahpun menyempurnakan kajiannya dan jika ya, nyatakan akuan-akuan yang telahpun dikesukakan kepada Kerajaan olehnya.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Haji Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya suka bagi pihak Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menjawab soalan ini.

Sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Athi Nahappan telah dilantik oleh Kerajaan pada 23hb Julai, 1964 untuk mengkaji akibat-akibat buruk yang akan timbul sekiranya kawalan sewa dihapuskan dengan sekonyong-konyongnya atau immediately. Lapuran Jawatankuasa itu telah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan yang kesembilan pada 7hb Mac, 1966, dan perakuan-perakuannya dipersejajarkan. Sebagai hasil Lapuran Jawatankuasa tersebut sebuah Akta Kawalan Sewa telah diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1966 untuk menggantikan Ordinan Kawalan Sewa, 1956. Akta ini yang sedang berjalan kuatkuasanya pada hari ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum Akta Kawalan Sewa, 1966 ini telah dikanunkan dengan tujuan hendak menghapuskan kawalan dengan secara beransur-ansur dan Akta tersebut telah berjalan selama 9 tahun. Adalah difikirkan iaitu proses ini mengambil masa yang panjang mungkin 10 hingga 20 tahun lagi. Tetapi malangnya sementara itu inflasi telah timbul di negara kita dan ini telah mengakibatkan berbagai-bagai masalah kepada ekonomi dan kestabilan negara. Kerajaan berharap keadaan inflasi ini mungkin dapat di atasi atau dikawal tidak berapa lama lagi dan sewa rumah pun akan jatuh semula. Walaupun demikian Dewan Bandaraya dan Kerajaan-kerajaan Negeri sedang giat melaksanakan rancangan-rancangan rumah murah dan rumah sederhana untuk menolong mengatasi masalah ini.

JAMBATAN KAYU BATU 44 KELUMPANG

15. Tuan Mohd. Bakri bin Rais minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada beliau bercadang mengganti jambatan kayu di Batu 44 Kelumpang (lebuhraya Ipoh-Kuala Lumpur) memandangkan keadaan jambatan itu terlalu uzur bagi memenuhi kehendak bertambahnya lalulintas hari ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan ada cadangan untuk menggantikan jambatan kayu di Batu 44 Kelumpang (Lebuhraya Kuala Lumpur-Ipoh). Projek Persekutuan ini telahpun dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan akan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Kalau dapat Jabatan Kerja Raya akan bina jambatan ini pada tahun ini.

YUNIT RAWATAN JANTUNG (C.C.U.)

16. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa Yunit Rawatan Jantung (C.C.U.) telah memberi perkhidmatan yang baik kepada pesakit-pesakit lemah jantung, samada yunit tersebut telah ditempatkan di semua hospital daerah di seluruh negara, dan bila yunit ini akan diadakan di Hospital Daerah Sungai Petani.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Yunit-yunit Rawatan Jantung dan Rawatan Intensif hanya didapati di setengah-setengah hospital sahaja seperti yang saya nyatakan semasa saya memberi jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 31.10.75 di dalam Dewan yang mulia ini. Kementerian saya tidak ada sebarang rancangan untuk menubuhkan satu Yunit Rawatan Sakit Jantung di Hospital Daerah Sungai Petani pada ketika ini, tetapi mungkin yunit tersebut akan dapat diadakan di masa yang akan datang apabila ada segala kemudahan yang perlu, umpamanya ruangan atau wad khas untuknya, alat-alat kelengkapan khas yang mahal harganya serta kakitangan yang terlatih khas untuk mengendalikan

Yunit tersebut. Jika semua ini tidak dapat diadakan, maka Yunit tersebut tidak akan dapat dibina.

PENENTUAN DAN UKURAN BERSAMA SEMPADAN ANTARA- BANGSA MALAYSIA-INDONESIA

17. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan kemajuan pengukuran bersama sempadan antarabangsa antara Malaysia (Sabah dan Sarawak) dengan Kalimantan Barat dan Timur dan bila projek ini akan disiapkan.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Penentuan dan Ukuran Bersama Sempadan Antarabangsa antara Malaysia (Sarawak dan Sabah) dan Indonesia (Kalimantan Barat dan Timur) telah dimulakan dalam bulan September 1975.

Dua Pasukan Ukur Bersama sedang menjalankan tugas tersebut di Sempadan Sarawak dan dua lagi di Sempadan Sabah.

DATA DI SEMPADAN ANTARA SARAWAK DAN KALIMANTAN BARAT

Panjang sempadan	=	1419 kilometer atau 882 batu
Yang telah diukur sehingga 31-1-76	=	33 kilometer atau 20 batu
Jangkaan penyiapan	=	Lebih kurang 15 tahun mengikut kadar sekarang

DATA DI SEMPADAN ANTARA SABAH DAN KALIMATAN TIMUR

Panjang sempadan	=	399 kilometer atau 248 batu
Yang telah diukur sehingga 15-2-76	=	47 kilometer atau 29 batu
Jangkaan penyiapan	=	Lebih kurang 4 tahun mengikut kadar sekarang

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

18. Tuan Loh Fook Yen (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang membenarkan pelepasan cukai pendapatan ke atas ibu-bapa sekiranya mereka menjadi tanggungan kepada seseorang pembayar cukai dan dengan demikian akan dapat mengekalkan cara kehidupan orang-orang Timur.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hum): Cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu telahpun sudah dikaji oleh Perbendaharaan. Tetapi memandangkan adanya kesukaran-kesukaran yang besar dalam mentadbirkannya Kerajaan belum lagi dapat menerima cadangan itu.

BAYARAN TOL ATAS KENDERAAN

19. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar kebanyakan estet-estet dan lombong-lombong bijih mengenakan bayaran tol ke atas kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan mereka, jika ya, nyatakan samada beliau akan mengharamkan perbuatan seperti ini; dan
- (b) oleh kerana kutipan tol di Muar, Batu Pahat dan Slim River telahpun melebihi perbelanjaan yang ditanggung untuk pembinaan jambatan di bandar-bandar yang disebutkan di atas, samada pihak Kerajaan bercadang menghentikan kutipan tol jambatan-jambatan di bandar-bandar berkenaan; jika tidak, mengapa.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Masalah bayaran tol yang dikenakan oleh tuan punya estet-estet dan lombong-lombong bijih ke atas kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan mereka bukanlah di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Oleh yang demikian Kementerian saya tidak boleh mengambil apa-apa tindakan seperti mengharamkan perbuatan ini sebagaimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu.
- (b) Memang benar bahawa kutipan tol di rumah-rumah tol di Slim River dan Muar telah melebihi perbelanjaan yang ditanggung untuk pembinaan jambatan di bandar-bandar yang berkenaan. Walau bagaimanapun jumlah kutipan tol di rumah tol Batu Pahat masih belum lagi melebihi perbelanjaan membina jambatan Batu Pahat.

Setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk memberhentikan kutipan tol di jambatan-jambatan Batu Pahat, Muar dan Slim River. Soal samada

kutipan yang telah dapat dipungut balik telah melebihi perbelanjaan membina jambatan-jambatan yang berkenaan ataupun sebaliknya adalah salah satu daripada beberapa faktor-faktor yang masih di dalam perhatian Kerajaan untuk menentukan masa hadapan kutipan tol ini di ketiga-tiga rumah tol tersebut.

Tuan Lim Kit Seng: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam Pilihanraya Umum tahun 1974 pihak Kerajaan telah membuat satu perjanjian bahawa pembayaran tol di Jambatan Muar akan dibatalkan selepas Pilihanraya Umum. Kenapa perjanjian ini tidak ditunaikan?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telahpun menjelaskan bahawa perkara ini sedang dalam pertimbangan Kementerian saya. Kementerian saya sendiri tidak boleh bertindak sebelum Kementerian ini berhubung dan berbincang dengan Perbendaharaan kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada tiga tahun lagi sebelum pilihanraya (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Seng: Tuan Yang di-Pertua, tiga tahun baharu perkara ini akan didengar lagi. Tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan samada pihak Kementeriannya telah berhubung dengan Perbendaharaan mengenai perkara ini atau belum?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sekarang dalam pertimbangan.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan jelaskan bahawa jika Kerajaan tidak bersetuju tentang membatalkan pembayaran tol itu, bolehkah Kementeriannya menimbangkan untuk mengurangkan pembayaran tol itu di Slim River, Muar dan Batu Pahat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab tadi katanya di dalam timbangan, di dalam kajian. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawabnya?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentulah akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana perkara pembatalan bayaran tol di jambatan-jambatan Muar, Batu Pahat dan Slim River bukanlah satu perkara yang baru ditimbulkan, tetapi satu perkara yang dibangkitkan semenjak lima tahun, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini cara, bentuk, pertimbangan atas perkara ini yang dijalankan, atau pertimbangan ini secara lisan sahaja. Adakah satu task force yang bertanggungjawab dan lain-lainnya?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perundingan-perundingan dan perjalanan dalam Kerajaan ini adalah perkara rahsia, saya tidak boleh memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun saya boleh memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini dalam pertimbangan yang serious.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bersabar dahulu! Mengikut Peraturan Mesyuarat No. 23 (4) mengatakan:

"(4) Walau apa jua syarat yang disebutkan dahulu daripada ini, seseorang Menteri yang diarahkan sesuatu pertanyaan kepadanya, dengan diperkenankan oleh Yang di-Pertua, boleh enggan menjawab pertanyaan itu oleh sebab hendak memelihara faedah orang ramai, dan keengganannya menjawab itu tidak boleh dibahaskan atau disoal."

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Mengikut Peraturan itu saya hendak bertanya bukan hendak bahas. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tidak kata bahas, saya kata tadi tidak boleh dibahas atau disoal lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan samada butiran mengenai pertimbangan perkara ini akan membahayakan keselamatan

negara mengenai cara pertimbangan perkara pembatalan tol di Jambatan Muar dan Batu Pahat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sudah terkeluar daripada soalan asal.

Yang Berhormat Tuan Rasiah Rajasingam.

(Soalan No. 20 Y.B. Tuan Rasiah Rajasingam tidak hadir).

LEBUHRAYA KUALA LUMPUR/ KARAK—TANAH ORANG-ORANG MELAYU

21. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan:

- (a) memandangkan kekurangan tanah untuk orang Melayu dalam Wilayah Persekutuan, samada Kerajaan bercadang mengubah pembinaan lebuh-raya Kuala Lumpur/Karak supaya tanah-tanah orang Melayu di Kawasan Gombak tidak terlibat;
- (b) jumlah wang yang akan terlibat perubahan pembinaan Lebuhraya tersebut dijalankan; dan
- (c) sekiranya tanah perkampungan Melayu di kawasan Gombak terpaksa juga diambil dalam pembinaan lebuh-raya Kuala Lumpur/Karak, nyatakan bentuk sugu hati untuk menggantikan kehilangan tanah kepada tuan-tuan punya tanah.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memang ada cadangan Kerajaan untuk mengelakkan seberapa yang boleh tanah-tanah perkampungan orang Melayu di Wilayah Persekutuan di dalam menentukan alur lebuhraya Kuala Lumpur/Karak. Alur yang asal yang didapati amat sesuai dari segi teknik dan perbelanjaan adalah melalui kawasan perkampungan orang Melayu di Gombak memandangkan di ketika itu masih terdapat beberapa lombong-lombong bijih timah yang aktif di bahagian barat alur tersebut.

Namun demikian, di atas desakan dari beberapa pihak, Jabatan Kerja Raya telah meneliti sekali lagi atas

kemungkinan mengalih alur jalan ini ke kawasan yang berdekatan. Hasil dari kajian semula ini alur yang asal itu dapat dialih sedikit ke arah barat melalui kawasan-kawasan lombong. Dengan pengalihan alur ini kawasan-kawasan orang Melayu yang terlibat di dalam alur jalan yang asal itu dapat dielakkan.

- (b) Dari kajian awal, didapati pengalihan alur jalan ini akan melibatkan kenaikan perbelanjaan sebanyak lebih kurang \$2,000,000. Walau bagaimanapun, butir-butir perbelanjaan yang lengkap hanya boleh diperolehi apabila kajian kejuruteraan yang lengkap dilaksanakan kelak.
- (c) Gantirugi ataupun saguhati yang akan diberikan kepada tuan-tuan punya tanah yang terlibat dalam pembinaan jalanraya ini adalah berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh pihak Pemungut Hasil Tanah dan Jabatan Penilaian yang berkenaan.

SEKIM BANTUAN RUMAH PANJANG

22. **Penghulu Abit anak Angkin** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau akan menimbang mengadakan suatu sekim bantuan untuk penghuni rumah panjang di kawasan-kawasan luar bandar dalam pembinaan rumah-rumah mereka selaras dengan Sekim Perumahan Harga Murah yang telah memberi faedah kepada penduduk-penduduk bandar oleh kerana golongan-golongan yang miskin yang kebanyakannya tinggal di luar bandar sepatutnya mendapat faedah dari Sekim yang sama.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah adalah dilaksanakan di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar, berasaskan kepada permintaan dan keperluan rakyat. Di samping itu, faktor-faktor seperti adanya tapak (tanah), kemampuan pemohon-pemohon rumah-rumah itu dan perkara-perkara perkhidmatan yang lazim diberi oleh sesebuah kuasa Tempatan, ini adalah juga perkara-perkara yang ditimbang oleh Kerajaan. Itulah sebabnya sesuatu

cadangan perumahan awam kos rendah selalunya dirancang oleh pihak-pihak yang berkuasa Negeri-negeri.

Saya suka menasihati Ahli Yang Berhormat supaya membuat cadangan kepada Kerajaan Negeri dan apakala telah dipersejajui oleh mereka; pertimbangan yang sewajarnya akan dapat diberi jika peruntukan menjadi perlu untuk membiayai projek perumahan awam itu.

RUMAH HARGA MURAH

23. **Tuan Lim Kit Siang (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan memberi satu anggaran bagi keperluan rumah-rumah berharga murah dan nyatakan samada Kementerian beliau bercadang untuk memenuhi keperluan rumah-rumah berharga murah dalam satu masa yang tertentu.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat iaitu Kementerian saya sedang bekerja rapat dengan pihak Unit Perancangan Ekonomi untuk menentukan jumlah keperluan permohonan di negara ini, terutamanya keperluan perumahan berharga murah. Sebaik sahaja kerja-kerja tersebut disiapkan butir-butir lengkap akan diedarkan oleh Kementerian saya.

Berhubung dengan bahagian kedua soalan itu, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat iaitu butir-butir berkaitan dengan permintaan dan rancangan untuk memenuhi keperluan rumah-rumah berharga murah akan diberitahu bila perkara berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketiga dibahaskan oleh Parlimen dalam bulan Julai tahun ini.

PEMAJU PERUMAHAN

24. **Tuan Lim Kit Siang (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar masih ada banyak pemaaju perumahan tidak ada Lesen Perumahan dan telah menerima wang pertaruhan daripada pembeli-pembeli rumah, jika ya, apa tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap pemaaju perumahan itu.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak mempunyai maklumat mengenai pemaju perumahan tidak berlesen melainkan mereka yang setakat ini telah diambil tindakan terhadapnya.

Saya suka memberitahu Yang Berhormat bahawa terdapat peruntukan-peruntukan yang cukup di dalam Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan dan Kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya untuk mengawasi pemaju-pemaju perumahan yang menjalankan urusan niaga kemajuan perumahan tanpa lesen dan juga pemaju-pemaju berlesen yang gagal mematuhi syarat-syarat di dalam lesen atau peruntukan-peruntukan di dalam Kaedah-kaedah.

Apabila Kementerian ini menyedari akan adanya pemaju-pemaju perumahan yang gagal mematuhi kehendak-kehendak Akta/Kaedah-kaedah, tindakan-tindakan yang sewajarnya adalah diambil terhadap mereka. Oleh kerana Yang Berhormat telah menyatakan bahawa terdapat banyak lagi pemaju-pemaju perumahan yang tidak berlesen dan telah memungut deposit-deposit daripada pembeli-pembeli rumah, saya menjangka Yang Berhormat dapat memberitahu Kementerian saya nama-nama dan alamat-alamat pemaju-pemaju perumahan tersebut untuk membolehkan kes-kes ini diselidik dengan teliti. Jika sekiranya mereka didapati melanggar peruntukan-peruntukan dalam Akta/Kaedah-kaedah, tindakan yang sewajarnya seperti yang dibenarkan oleh Akta akan diambil terhadap mereka.

Selain daripada mengambil tindakan-tindakan sewajarnya terhadap pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab itu, pembeli-pembeli rumah juga perlu menyedari akan apa yang mereka boleh/patut menjangka sebaik sahaja mereka pasti untuk membeli rumah. Dalam hal ini, Kementerian saya telah menerbitkan sebuah buku kecil perancangan bertajuk "Hendak Membeli Rumah?—Panduan kepada pembeli-pembeli rumah" boleh membantu pembeli-pembeli rumah. Buku kecil ini telah diberi publisiti yang luas dan juga telah diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga boleh didapati oleh orang ramai atas permintaan.

HOSPITAL DAERAH SARATOK/ SERIAN/KANOWIT/LIMBANG

25. Tuan Patrick Anek Uren (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan sehingga sekarang apakah kemajuan telah tercapai oleh Kementerian beliau terhadap pembinaan hospital-hospital berikut di Sarawak:

- (a) Hospital Daerah Saratok;
- (b) Hospital Daerah Serian;
- (c) Hospital Daerah Kanowit; dan
- (d) Hospital Limbang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, kemajuan yang telah tercapai terhadap pembinaan hospital-hospital di Sarawak adalah seperti berikut:

- (a) Urusan pengambilan tanah untuk Hospital Daerah Saratok telahpun selesai. Perancangan selanjutnya akan dibuat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga;
- (b) Hospital Daerah Serian akan siap dibina mungkin dalam pertengahan tahun ini dan akan dibuka sebelum akhir tahun ini;
- (c) Tanah untuk Hospital Limbang telahpun dibeli dan usaha-usaha mengerjakan tapak tanah itu telahpun selesai. Jadual tender sedang disediakan;
- (d) Projek Hospital Daerah Kanowit telah tidak diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Cadangan untuk menubuhkan sebuah Pusat Kesihatan Daerah termasuk sebuah Hospital Daerah di Kanowit telahpun dimasukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dipertimbangkan oleh Parlimen dalam satu mesyuarat khas pada pertengahan tahun ini.

YUNIT PENERANGAN LUAR

26. Tuan Shaari bin Jusob minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar tayangan gambar di samping menyampaikan penerangan ke kawasan-kawasan luar bandar oleh Yunit Penerangan Luar terlalu sedikit, jika ya, nyatakan samada Kementerian beliau akan meluaskan Yunit Penerangan luar supaya sebahagian besar penduduk-penduduk luar bandar diberitahu akan aktiviti-aktiviti Kerajaan.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penerangan Malaysia sekarang mempunyai 136 buah Yunit Bergerak di Semenanjung Malaysia, 34 buah di Sabah dan 46 buah di Sarawak. Yunit-yunit ini menayangkan wayang gambar lebih di kawasan-kawasan luar bandar, kerana kawasan-kawasan dalam bandar ada berbagai-bagai kemudahan seperti TV, Radio dan sebagainya. Jadi Yunit-yunit Bergerak Jabatan Penerangan sedang menghadapi masalah kekurangan filem sekarang ini, dan usaha sedang diambil untuk menyewa filem-filem dari sektor swasta dan lain-lain punca.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), Jabatan Penerangan telah mendapat tambahan sejumlah 42 buah Yunit Bergerak di Semenanjung Malaysia, 17 buah di Sabah dan 20 buah di Sarawak. Jumlah yang ada sekarang adalah difikirkan mencukupi.

BAYARAN YURAN SEKOLAH

27. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar semua pelajar-pelajar Tingkatan Satu (Form One) di semua sekolah-sekolah Menengah Inggeris 1976 (iaitu murid-murid darjah I Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris 1970) di seluruh negara dikenakan bayaran yuran sekolah sedangkan pelajar-pelajar yang tersebut itu mengikuti semua mata pelajaran dalam Bahasa Malaysia kecuali mata pelajaran Bahasa Inggeris. Jika benar:

- adakah Kerajaan bercadang akan mengkaji semula dengan teliti samada wajar atau sebaliknya peraturan ini diteruskan;
- adakah pelajar-pelajar ini dibenarkan berpindah ke S.M.R. atau Sekolah Menengah Kebangsaan untuk mengelakkan dari terkena membayar yuran sekolah; dan
- adakah pungutan yuran bagi pelajar-pelajar ini menggalakkan jikalau dibandingkan dengan pungutan-pungutan daripada pelajar-pelajar Form One di tahun-tahun yang lepas.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sum): Tuan Yang di-Pertua,

- Mengikut dasar Akta Pelajaran, ya, tetapi mengikut perlaksanaannya lewat sedikit oleh kerana implikasi kewangan;

- Kalau murid-murid di dalam Tingkatan I ini memohon supaya dipindahkan ke Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan mereka akan ditimbang;

- Kutipan yuran sekolah dari Tingkatan I tidak sebaik di tahun yang lepas.

PELATIH-PELATIH PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA

28. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan pelatih-pelatih yang tamat latihan di Pusat Daya Pengeluaran Negara mulai tahun 1970 hingga tahun 1975 dan bilangan mereka yang berjaya menjalankan usahanya dan bilangan mereka yang tidak berjaya dan sebab-sebabnya serta apakah tindakan yang telah diambil untuk membantu mereka yang tidak berjaya dalam usahanya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 1970 hingga 1975 jumlah peserta-peserta kursus-kursus dan seminar-seminar di Pusat Daya Pengeluaran Negara ialah 16,705. Daripada jumlah ini sejumlah 16,368 adalah terdiri daripada eksekutif dan penyelia di dalam syarikat-syarikat swasta, jabatan-jabatan/ajensi-ajensi Kerajaan dan juga orang perseorangan. Dalam lain perkataan mereka ini adalah pekerja dan bukanlah usahawan.

Walau bagaimanapun, mulai tahun 1973 Pusat Daya Pengeluaran Negara telah memulakan kursus untuk melahirkan usahawan dan penyertaan adalah terbuka kepada semua. Untuk menggalakkan lagi penyertaan Bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian, suatu bahagian khas telah ditubuhkan dengan nama Seksi Penyertaan Bumiputra dan salah satu daripada rancangan yang dikendalikan oleh Bahagian ini ialah program yang dinamakan Melahir dan Membina Usahawan Bumiputra.

Peserta-peserta program ini adalah terdiri daripada pihak-pihak yang sedia ada dan juga bakal-bakal usahawan. Hingga bulan Disember, 1975 seramai 337 peserta telah mengambil bahagian di dalam rancangan ini. Daripada mereka yang belum menjalankan

perniagaan semasa mengikuti kursus, sebanyak 12% telah dapat memulakan perniagaan sendiri selepas berkursus. Peraturan ini adalah dianggap tinggi oleh pakar-pakar antarabangsa.

Di antara sebab-sebab mereka belum lagi berjaya menjalankan perniagaan sendiri adalah seperti berikut:

- (1) Ketiadaan tempat perniagaan yang sesuai;
- (2) Kekurangan modal;
- (3) Mereka belum mempunyai pengalaman yang cukup.

Untuk menolong mengatasi masalah tersebut, Pusat Daya Pengeluaran Negara sentiasa membimbing mereka dari segi pentadbiran dan pengurusan perniagaan apabila dikehendaki. Pusat Daya Pengeluaran Negara sentiasa terus menolong mereka yang memerlukan untuk membuat kertas kerja yang diperlukan oleh institusi-institusi kewangan itu. Dari segi tempat perniagaan pula, Pusat Daya Pengeluaran Negara juga berusaha membuat pengenalan kepada Badan-badan Kerajaan umpamanya UDA, MARA dan lain-lain agensi-agensi Kerajaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 7, 20 dan 29 hingga 44 adalah diberi di bawah ini).

MUBALIGH-MUBALIGH ISLAM

6. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai pengembang Agama Islam yang disebut sebagai Mubaligh-mubaligh tidak mendapat kebenaran dari sebarang Pejabat Agama Islam Negeri-negeri bagi mengajar atau mengembangkan ajaran Islam di Malaysia; jika ya, nyatakan langkah yang sedang atau akan diambil untuk mencegah berlakunya perkara-perkara ini.

Perdana Menteri: Saya sedar atas adanya kegiatan-kegiatan seumpama ini. Bagi Mubaligh-mubaligh yang bertabligh dengan membawa ajaran-ajaran yang mengelirukan, mereka ini boleh didakwa di Mahkamah Syariah Negeri-negeri mengikut Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri masing-masing.

Bagi Mubaligh-mubaligh yang datang daripada luar negeri atas tujuan untuk bertabligh, mereka hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Penapis yang telah ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terlebih dahulu. Jikalau mereka ini melanggar peraturan yang ada ini, tindakan untuk mengeluarkan mereka dari Malaysia akan diambil.

PENGEMBANG UGAMA

7. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Perdana Menteri menyatakan samada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah mengadakan satu Undang-undang tertentu untuk membolehkan Kerajaan mendakwa seseorang pengembang agama yang tidak bertauliah itu di Mahkamah jika ajaran-ajaran yang dilakukannya menyalahi prinsip-prinsip Islam sendiri.

Perdana Menteri: Mengikut perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Negeri boleh atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam. Oleh itu kuasa mendakwa orang-orang yang seumpama itu adalah kuasa Kerajaan Negeri di bawah Enakmen Pentadbiran Ugama Islam masing-masing.

PEMBANTU HOSPITAL PULAU PINANG

20. **Tuan R. Rajasingam** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada benar didapati tersangat kurang Pembantu-pembantu Hospital di Pulau Pinang, jika ya, mengapa Kementerian beliau tidak melantik pegawai-pegawai yang telah bersara enam bulan dahulu dan telah memohon berkhidmat semula secara sebulan ke sebulan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tidak benar bahawa jumlah bilangan Pembantu-pembantu Hospital di Pulau Pinang tersangat kurang sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya 93% daripada jumlah perjawatan Pembantu Hospital di Pulau Pinang telah dipenuhi. Baki perjawatan yang kosong itu akan dipenuhi pada akhir bulan April ini atau awal bulan Mei 1976 oleh Pembantu-pembantu Hospital yang akan tamat latihannya daripada Sekolah Latihan Pembantu Hospital di Seremban.

SEKIM PINJAMAN BUKU TEKS

29. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi mencegah adanya penyelewengan dalam pelaksanaan Sekim Pinjaman Buku-buku Teks yang mana buku-buku yang dipinjamkan dijual balik di kedai-kedai buku.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Penjual-penjual buku adalah diberitahu melalui Persatuan Penjual-penjual Buku bahawa pembelian dan penjualan buku-buku teks Sekim Pinjaman Kerajaan adalah salah dan tidak dibenarkan. Tindakan Mahkamah akan diambil ke atas mana-mana penjual buku yang didapati telah benar-benar melakukan perbuatan yang salah ini.

Ibu-bapa juga diminta berhati-hati apabila membeli buku-buku teks samada dari kedai-kedai buku atau dari orang-orang perseorangan. Sekiranya buku-buku teks yang dibeli itu ada mempunyai cop nama sekolah tertentu dan cop Sekim Pinjaman Buku-buku Teks Kerajaan, ibu-bapa adalah dikehendaki melaporkan perkara ini kepada Kementerian Pelajaran, atau Pejabat Pelajaran Negeri atau Guru Besar sekolah dengan segera supaya tindakan segera dapat dijalankan.

Pembekal dan penjual buku hendaklah berhati-hati apabila membekal dan menjual buku-buku teks. Semua buku-buku teks yang telah dibekalkan ke sekolah-sekolah di bawah Sekim Pinjaman Kerajaan dan yang kemudiannya dipulangkan kepadanya oleh pihak sekolah disebabkan buku-buku teks tersebut rosak hendaklah ditentukan yang buku-buku teks ini dipulangkan kepada pihak penerbit berkenaan dengan segera.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

30. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa cara memproses permohonan-permohonan untuk Kerakyatan di bawah kemasukan (naturalisation) (Borang "G") masih terlalu lambat dan tidak memuaskan dan nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Adalah tidak benar bahawa cara memproses permohonan-permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19 (Borang "G") masih terlalu lambat dan tidak memuaskan. Permohonan-permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19 adalah diproses dengan lancar dan teratur, bergantung terutama sekali kepada lengkapnya permohonan-permohonan yang diterima itu. Biasanya kelambatan memproses berlaku apabila terdapat maklumat-maklumat ke atas satu-satu permohonan itu kurang lengkap atau kurang memuaskan dan pertanyaan lanjut atau teguran perlu dibuat kepada pemohon-pemohon itu menerusi surat-surat pertanyaan. Seringkali surat-surat ini tidak berjawab, mungkin kerana pemohon itu sudah berpindah ke tempat lain tanpa memberitahu Jabatan. Ada juga jawapan yang diberi itu masih juga tidak lengkap dan terpaksa disusul meminta penjelasan yang lebih lanjut. Walaupun begitu, boleh dikatakan tiap-tiap hari banyak permohonan-permohonan kewarganegaraan diproses dan diberi keputusan.

KERUGIAN JABATAN KERETAPI

31. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) berapa banyak kerugian yang telah ditanggung oleh Jabatan Keretapi setiap tahun sejak tahun 1972 hingga 1975;
- (b) apakah sebab-sebab kerugian tersebut;
- (c) apakah cadangan-cadangan dan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dijalankan untuk mengatasi kerugian itu; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang boleh dijalankan oleh orang ramai untuk memajukan perkhidmatan keretapi negara ini disamping langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Kerugian yang telah dialami oleh Pertadbiran Keretapi Tanah Melayu bagi tiap-tiap tahun sejak tahun 1972 ialah seperti berikut:

1972	Kerugian	\$ 7.48 juta
1973	" ...	5.10 "
1974	" ...	10.00 "
1975	" ...	12.50 "

(Kemajuan yang terkumpul setakat 31-12-75 berjumlah kira-kira \$99.50 juta).

- (b) Kerugian yang dialami oleh Pertadbiran Keretapi Tanah Melayu adalah akibat dari beberapa sebab. Sebab-sebab tersebut telahpun, dengan ringkasnya, diberitahu pada ahli-ahli Dewan Rakyat yang bersidang pada 28-1-67 oleh Y.B. Menteri Pengangkutan tatkala itu. Sebab-sebab yang besar mengakibatkan kerugian pada Pertadbiran Keretapi ialah seperti berikut:

(i) *Kenaikan sebab perbelanjaan gaji*

Pada tahun 1975 bayaran gaji dan elaun berjumlah \$52.96 juta yang telah dibayar kepada 10,623 orang pekerja-pekerja keretapi. Bagi tahun 1964 pula perbelanjaan gaji berjumlah \$33.76 juta yang dibayar kepada 12,266 pekerja. Dengan ini bermakna bagi tempoh tersebut Pertadbiran Keretapi telah terpaksa membayar lebih \$19.2 juta kepada kakitangan-kakitangannya bagi tahun 1975 jika dibandingkan dengan bayaran yang kena dibayar pada tahun 1964. Kenaikan ini bukanlah kerana kecuaihan pihak Pertadbiran Keretapi tetapi berpunca dari persetujuan dan pemberian gaji dan elaun tambahan kepada semua kakitangan Kerajaan oleh Kerajaan Malaysia. Jumlah bayaran-bayaran tambahan terkumpul yang terpaksa ditanggung oleh Pertadbiran Keretapi akibat daripada tindakan Kerajaan setakat ini berjumlah \$17.9 juta setahun.

Dari angka-angka yang saya berikan tadi jelas diperhatikan bahawa bayaran gaji purata bagi seorang kakitangan dalam Pertadbiran Keretapi telah meningkat dari \$2,752 pada tahun 1964 kepada \$4,985 tahun 1975 iaitu dengan kadar kenaikan sebanyak 80%.

(ii) *Akibat inflasi*

Ahli-ahli Dewan sayugia maklum bahawa dalam beberapa

tahun kebelakangan ini tiap-tiap negara dalam dunia ini, amnya, dan negara Malaysia, khasnya, telah menderita akibat suasana inflasi yang berpanjangan. Adalah ditaksirkan Pertadbiran Keretapi terpaksa membelanjakan jumlah tambahan sebanyak \$2 juta setahun bagi menampung pembelian barang-barang seperti kelengkapan dan sebagainya. Bersekali dengan ini oleh kerana kenaikan harga minyak jumlah yang terpaksa dibayar bagi bekalan minyak untuk pelarian teren telah juga bertambah sebanyak kira-kira \$3.5 juta setahun.

(iii) *Penambahan bilangan lori dan van*

Bilangan lori yang didaftarkan berkhidmat di Semenanjung Malaysia telah meningkat dengan pesatnya tiap-tiap tahun. Pada tahun 1973 bilangan lori dan van yang diadakan ialah 72,200 yunit. Angka-angka yang sama bagi tahun 1964 ialah 38,400 yunit. Ini membuktikan bahawa bilangan kenderaan lori telah meningkat sebanyak 80% dalam jangka masa tersebut.

Akibat daripada kenaikan bilangan lori yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia, adalah tidak dinafikan bahawa persaingan di antara pengusaha-pengusaha pengangkutan lori telah berlaku dengan hebatnya. Dengan secara langsung kadar tambarang (freight rates) yang ditawarkan oleh pengusaha-pengusaha lori telah beransur-ansur turun. Dengan itu juga Pertadbiran Keretapi terpaksa menukarkan kadar tambarang yang ditawarkan kepada pelanggan-pelanggannya. Keadaan ini menjadi lebih buruk bagi Pertadbiran Keretapi Tanah Melayu kerana adalah ditaksirkan bahawa jumlah barang-barang yang tersedia untuk angkutan samada oleh lori ataupun dengan keretapi dalam jangka masa yang berkenaan telah tidak meningkat dengan

kadar yang sama yang didapati bagi kadar kenaikan bilangan lori ataupun kenaikan kadar "capacity" yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat pengangkutan lori dan juga pertadbiran Keretapi.

(iv) *Perkhidmatan-perkhidmatan penumpang yang tidak ekonomik*

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat perlu mengetahui bahawa Pertadbiran Keretapi Tanah Melayu terpaksa menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan teren penumpang di kawasan-kawasan yang mana perkhidmatan-perkhidmatan tersebut tidak mungkin menguntungkan. Pada amnya, perkhidmatan-perkhidmatan penumpang yang disediakan di cawangan Pantai Timur adalah merugikan. Umpamanya, dalam tahun 1973 kerugian terus, tanpa belanja tetap, yang dialami bagi perkhidmatan-perkhidmatan di cawangan Pantai Timur berjumlah lebih-kurang \$2.8 juta setahun.

(c) Pihak Kementerian dan juga Pertadbiran Keretapi Tanah Melayu telah sedang mengambil tindakan yang positif untuk mengatasi kerugian yang dialami oleh Pertadbiran Keretapi Tanah Melayu. Pada amnya tindakan-tindakan berikut telah dan akan dilaksanakan.

- (i) Pihak Kementerian bersama dengan Pertadbiran Keretapi sekarang sedang menyediakan satu pelan induk yang akan menukarkan corak perkhidmatan keretapi dalam masa lebih kurang 20 tahun. Hasil dari pelaksanaan rancangan-rancangan ini Pertadbiran Keretapi Tanah Melayu akan dilengkapi dengan setokereta-setokereta yang terbaru, landasan-landasan keretapi yang baru berupaya menampung kelajuan teren yang memuaskan dan juga lain-lain kemudahan yang berkaitan dengannya. Adalah juga dirancangkan bahawa masa perjalanan bagi tiap-tiap teren penumpang dan barang-barang, akan dapat

dikurangkan. Dengan ini juga "capacity" bagi sistem Pertadbiran Keretapi akan bertambah dengan sendirinya.

- (ii) Bagi merangka rancangan jangka panjang ini Kerajaan akan mengadakan satu kajian mengenai pengangkutan, khususnya untuk keretapi, yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Di antara aspek-aspek yang akan dicadangkan oleh pihak pakar perunding ialah rancangan induk bagi pembangunan dan kemajuan Pertadbiran Keretapi. Adalah diharapkan pengkajian ini akan diselesaikan awal tahun 1977.
- (iii) Kadar tambang bagi perkhidmatan teren-teren penumpang telah dinaikkan baru-baru ini supaya setanding dengan kadar-kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat-syarikat bas.
- (iv) Pertadbiran Keretapi juga telah menguatkuasakan buku tarif yang baru yang boleh mengatasi berbagai masalah yang dihadapi dengan penggunaan buku tarif yang lama.
- (v) Pertadbiran Keretapi telahpun menggunakan dasar pasaran yang lebih agresif untuk mendapatkan dagangan yang lebih banyak di masa-masa yang hadapan. Penukaran dasar ini telah dilaksanakan dengan menjalankan rombakan dalam organisasi pemasaran di Pertadbiran Keretapi Tanah Melayu yang telah dilaksanakan dengan bantuan pakar dari Canadian Pacific Railways Limited.
- (vi) Seajar dengan pandangan baru di Pertadbiran Keretapi Organisasi pentadbiran telah juga diperbaiki supaya tindakan yang diputuskan oleh pihak pengurus dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan. Sebaliknya "feed back" dari perengkat bawahan kepada pengurusan mengenai keputusan dan tindakannya akan terlaksana dengan lebih cergas lagi.

- (vii) Daripada angka-angka yang saya terangkan bagi Ahli Yang Berhormat dapat diperhatikan bahawa bilangan kakitangan yang berkhidmat dengan Pertadbiran Keretapi telah dapat dikurangkan daripada 12,266 orang pada tahun 1964 kepada 10,023 orang di penghujung tahun 1975. Rancangan ini akan diteruskan sejajar dengan dasar Kerajaan.
- (d) Orang ramai patutlah sedar akan perkhidmatan yang diberikan oleh Pertadbiran Keretapi untuk mengangkut penumpang-penumpang atau barang-barang mereka dari satu tempat ke tempat tujuan yang mereka kehendaki atau di mana nilainya lebih tinggi.

Penumpang-penumpang haruslah menggunakan dengan sepenuhnya perkhidmatan teren penumpang di antara satu bandar ke satu bandar lain dan perkhidmatan Teren Komuter yang berkhidmat di antara Pelabuhan Kelang-Kuala Lumpur-Sungai Buluh dan Seremban-Pudu.

Para-para peniaga boleh menggunakan keretapi dengan luasnya bagi mengangkut barang-barang mereka. Keretapi sebenarnya adalah mengangkut semua barang-barang runcit, alat-alat kelengkapan berat, binatang-binatang, pesanan-pesanan kecil dan bungkusan-bungkusan. Biasanya barang-barang/bungkusan-bungkusan adalah diangkut dalam masa satu hari dan sampai ke tempat tujuan pada keesokan harinya.

Dengan menggunakan perkhidmatan rel yang sepenuhnya, kesesakan di jalanraya boleh dikurangkan dan ini sudah tentu akan mengurangkan kehilangan nyawa dan kerusakan kepada harta-harta yang berlaku di jalan-jalanraya.

HARGA BUKU TEKS DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

32. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa harga buku-buku teks Dewan Bahasa dan Pustaka telah dinaikkan sebanyak 10% dalam pertengahan bulan Disember

1975 dan ini telah mengakibatkan kesukasan kepada rakyat di negara ini, dan jika ya, nyatakan sebab-sebab kenaikan harga ini terutama sekali tatkala sekolah hendak dibuka semula dan setelah buku-buku tersebut dijual kepada pengedar-pengedarnya;

- (b) samada Kerajaan boleh mendapat sebarang keuntungan daripadanya; dan
- (c) berhubung dengan kes yang tersebut di atas, siapakah yang telah mendapat untung dan siapa pula yang mengalami kerugian dan samada Kerajaan sedar bahawa harga buku-buku teks bukan keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka dinaikkan harganya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Persatuan Penerbit Buku Malaysia telah membuat permohonan kepada Kementerian Pelajaran dalam pertengahan tahun 1975 untuk menaikkan harga buku-buku teks yang harganya ditetapkan dalam tahun 1973 dan sebelum daripada tahun 1973. Kadar kenaikan yang dipohon ialah 20% bagi buku-buku teks tahun 1971, 10% bagi tahun 1972 dan 5% bagi tahun 1973. Permohonan tersebut dibuat oleh kerana kenaikan harga bahan mentah (60%) kenaikan kos percetakan (7%) dan kenaikan gaji pekerja (70%). Penerbit-penerbit pernah memohon kenaikan harga dalam tahun-tahun 1973 dan 1974, tetapi disebabkan Kerajaan membuat pesanan yang besar di bawah Sekim Pinjaman Buku-buku Teks maka penerbit-penerbit bersetuju tidak menaikkan harga buku-buku teks. Sementara itu harga buku-buku teks yang diterbitkan di luar negeri telah naik dengan banyaknya.

Sebuah jawatankuasa bagi mengkaji permohonan kenaikan harta ditubuhkan dan setelah beberapa perundingan dibuat maka cadangan jawatankuasa supaya kenaikan 10% dibenarkan bagi buku-buku teks yang harganya ditentukan dalam tahun 1973 dan sebelum 1973 telah dipersetujui dalam bulan November 1975. Kenaikan tersebut juga dikenakan ke atas buku-buku teks Kementerian Pelajaran terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka oleh kerana masalah kenaikan harta bahan mentah dan kos percetakan juga dihadapi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Harga baharu kemudiannya diedarkan kepada sekolah-sekolah. Penerbit-penerbit pula telah memberitahu penjual-penjual buku akan harga baharu tersebut.

Dalam hal ini, pihak Kerajaan tidak memperolehi apa-apa keuntungan. Juga tidaklah benar bahawa harga buku-buku teks bukan keluaran D.B.P. tidak dinaikkan harga.

PEMBINAAN JALANRAYA NEGERI-NEGERI

33. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-Kemudahan menyatakan apakah keutamaan yang diberikan kepada Negeri-negeri miskin di Malaysia berhubung dengan soal pembinaan jalanraya memandangkan kepada keadaan pada masa sekarang di mana Negeri-negeri miskin tersebut masih mundur dan pembinaan jalanraya berbanding dengan Negeri-negeri yang lebih maju dan kaya.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong**): Seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan, Negeri-negeri miskin dan kurang maju akan diberikan keutamaan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Pembinaan jalanraya tidak boleh ditimbang secara berasingan tetapi hendaklah dikaji dan dirancang sebagai satu faktor dalam pembangunan sesuatu kawasan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga beberapa rancangan besar jalanraya telahpun dijadualkan untuk pelaksanaan di negeri-negeri yang miskin seperti di Trengganu dan Kelantan. Di Trengganu misalnya bersama-sama dengan pembangunan diseluruh kawasan Trengganu Tengah, Kementerian saya akan membina satu jalanraya baru di antara Jerangau dan Jabor termasuk jalan-jalan kecil yang akan digunakan untuk pembangunan di kawasan tersebut. Demikian juga beberapa projek besar telah dirancang untuk dilaksanakan di Negeri Kelantan.

PUSAT KESIHATAN MASYARAKAT

34. Tuan Sibot Miut anak Tagong minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan pusat kesihatan masyarakat yang akan dibina di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, dan berapakah bilangannya yang akan dibina di Bahagian Ketujuh.

Menteri Kesihatan (**Tan Sri Lee Siok Yew**): Parlimen akan bersidang di satu mesyuarat khas tidak lama lagi untuk menimbang Rancangan Malaysia Ketiga.

Oleh itu, pada peringkat ini, saya tidak dapat menyatakan bilangan Pusat-pusat Kesihatan Masyarakat yang akan diluluskan untuk Sarawak dan berapa banyak yang akan dibina dalam Bahagian Ketujuh.

STESYEN PEMANCAR RADIO DI TRONOH

35. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rals minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau mempunyai rancangan menukarkan nama Stesyen Pemancar Radio Tronoh kepada Stesyen Pemancar Radio, Bota memandangkan stesyen pemancar itu terletak di dalam Daerah Parit tetapi bukan di dalam kawasan Tronoh.

Menteri Penerangan (**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud**): Nama Stesyen Pemancar tersebut dibuat berdasarkan kepada letaknya bangunan stesyen tersebut dan dalam hubungan ini stesyen pemancar radio di Tronoh ini terletak berhampiran dengan pekan Tronoh. Ini semata-mata untuk kemudahan pentadbiran R.T.M. sendiri kerana kita mempunyai banyak stesyen-stesyen R.T.M. dan stesyen ini diberi nama mengikut pekan-pekan yang berhampiran atau sesuatu "land mark" yang mudah dikenali atau dicari. Maka itulah sebabnya stesyen tersebut diberi nama Stesyen Pemancar Radio Tronoh.

HOSPITAL BARU DI LABUAN

36. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah tender bagi pembinaan bangunan hospital daerah Labuan dan bangunan-bangunan bagi menempatkan dispensari-dispensari Kota Klias dan Weston akan dipanggil.

Tan Sri Lee Siok Yew: Cadangan-cadangan telahpun dibuat oleh Jabatan Perubatan Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina sebuah hospital baru di Labuan, sebuah dispensari luar bandar di Kuala Klias dan satu lagi di Weston. Saya tidak dapat memberi maklumat selanjutnya oleh kerana Rancangan Malaysia Ketiga akan hanya dipertimbangkan oleh Parlimen di satu mesyuarat khas pada pertengahan tahun ini.

PENGAWAL-PENGAWAL SEMPADAN SARAWAK (SARAWAK BORDER SCOUTS)

37. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada terdapat sebarang rancangan untuk menyerap Pengawal-pengawal Sempadan Sarawak (Sarawak Border Scouts) sebagai satu cawangan Angkatan Tentera Malaysia memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh mereka dalam pertahanan negara.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Anggota-anggota Border Scouts, atau Pengakap Sempadan Sarawak diberi taraf Polis Bantuan dan dengan sendirinya memainkan peranan yang penting dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan Negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan belum mempunyai apa-apa rancangan untuk menyerap mereka sebagai anggota Polis biasa.

PELAJARAN MENENGAH PERCUMA DI MALAYSIA

38. Tuan Ngan Siong Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan menimbang mewajibkan pelajaran menengah percuma di Malaysia untuk mengurangkan kadar buta huruf di negara ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kerajaan tiada bercadang untuk mewajibkan pelajaran menengah di Malaysia, kerana keadaan kehadiran murid-murid di sekolah-sekolah menengah buat masa ini memuaskan. Dan langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan tersebut.

PERKHIDMATAN TALIPON

39. Tuan Buja bin Gumbilai minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa perkhidmatan talipon tidak memuaskan di Negeri Sabah, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Ada beberapa kerumitan terdapat dalam kemajuan Jabatan Talikom di Negeri Sabah semasa Rancangan Malaysia Yang Kedua oleh kerana kesukaran-kesukaran yang dialami bagi menyiapkan bangunan-bangunan ibusawat. Kesukaran-kesukaran ini masih ter-

dapat lagi, tetapi langkah-langkah sedang diambil untuk mengatasi kesukaran-kesukaran ini dengan seboleh-bolehnya dengan cara menempatkan ibusawat-ibusawat ini dalam "transportable cabins". Sebuah ibusawat jenis cabin yang mengandungi 1,000 talian sekarang sedang dipasang di Nunuyan. Tiga lagi sedang dipesan untuk Batu Sapi, Semporna dan Labuan. Ketiga-tiga ibusawat cabin ini dijangka akan tiba di Sabah dalam empat hingga tujuh bulan lagi.

Pada masa sekarang ibusawat Kota Kinabalu sedang diperluaskan dengan menambah lagi 5,000 talian, dan sebuah ibusawat baru yang mengandungi 1,000 talian sedang dipasang di Kudat. Kedua-dua ibusawat ini dijangka akan siap dalam masa enam bulan.

Rangkaian sambungjauh di Sabah sekarang sedang diperluaskan dan kemudahan-kemudahan panggilan jauh terus dail akan diperluaskan sebaik sahaja siapnya "trunk switching zone centre" di Kota Kinabalu. "Zone switching centre" yang berharga \$2.7 juta ini sekarang dalam pembinaan dan dijangka akan siap dalam bulan Jun tahun ini. Sistem gelombang mikro dari Kota Kinabalu ke Kuching telahpun siap dalam separuh tahun yang kedua tahun lalu bersamaan dengan sebuah sambungan satelit ruangan angkasa antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Buat masa sekarang Jabatan Talikom sedang memasang banyak alat "multiplex" untuk mengadakan lebih banyak lagi litar-litar sambungjauh antara Sabah dan Sarawak dan antara Sabah dan Semenanjung Malaysia melalui sambungan-sambungan ini.

Jabatan Talikom sedar bahawa kemajuan talikom di Sabah hendaklah dipercepatkan dan tindakan sedang diambil untuk mencapai tujuan ini.

TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA—KELENGKAPAN

40. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar tentang mustahaknya langkah-langkah keselamatan diambil dan jika ya, adakah beliau bercadang untuk melengkapkan angkatan tentera laut kita dengan helikopter.

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn): Kerajaan sememangnya sedar atas perlunya diadakan langkah-langkah keselamatan yang cukup di laut dan telahpun mengambil tindakan-tindakan yang perlu mengikut kemampuan negara. Kerajaan tidak bertujuan melengkapkan Tentera Laut Diraja Malaysia dengan helikopter-helikopter oleh kerana Tentera Udara Diraja Malaysia boleh menampung segala bantuan helikopter yang diperlukan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia bagi operasi-operasi laut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia iaitu KD Rahmat, KD Hang Tuah dan KD Sri Langkawi mempunyai kemudahan-kemudahan untuk membawa dan melancarkan helikopter.

HOSPITAL BARU DAERAH KULIM

41. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah kerja membina projek hospital baru bagi daerah Kulim, yang dicadangkan di Jalan Mahang, Kelang lama, Kulim akan dimulakan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Memang ada projek pembinaan bagi hospital baru daerah Kulim, Kedah, dan pada masa ini sedang giat dirancang. Akan tetapi, saya juga berharap Ahli Yang Berhormat akan menghargai bahawa ada di antara daerah-daerah yang masih belum ada hospital, dan di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Kementerian Kesihatan telah memberikan keutamaan yang tinggi kepada daerah-daerah ini.

LESEN TEKSI

42. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan memberitahu jumlah lesen teksi yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat dan orang perseorangan pada tahun 1974 dan 1975 dan bilangan orang perseorangan yang mendapat lebih dari satu lesen.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Jumlah Lesen Teksi/Kereta Sewa yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat dan orang-orang

perseorangan dalam tahun 1974 dan 1975 ialah seperti berikut:

	1974	1975
1. Syarikat-syarikat ...	720	849
2. Perseorangan ...	332	409
Jumlah: ...	1,052	1,258

Adalah menjadi dasar Kementerian saya sekarang tidak membenarkan lebih daripada sebuah teksi diberikan kepada seseorang pemohon.

IKLAN MINUMAN KERAS DI TV

43. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau bercadang mengharamkan pengiklanan minuman keras di akhbar-akhbar, TV dan papan-papan tanda di seluruh negara.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Pengiklanan minuman keras di TV dihadkan dalam Rangkaian Kedua iaitu rangkaian yang biasa dituntun oleh orang-orang yang bukan Islam. Jumlah iklan yang disiarkan tidak begitu banyak dan ini dibuat memikirkan sebahagian besar dari minuman yang diiklankan itu adalah hasil perusahaan tempatan yang sekarang ini menggunakan tenaga kerja dari rakyat negeri ini dan bahan-bahan mentah tempatan.

Kementerian ini tidak bertanggungjawab terhadap pengiklanan minuman keras yang terdapat di akhbar-akhbar dan papan-papan tanda.

HOSPITAL DAERAH KAMPAR— KELAKUAN KAKITANGAN

44. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau telah menerima sepucuk surat yang dikirimkan olehnya (Y.B. Chian Heng Kai) yang mendakwa bahawa kakitangan di Hospital Kampar telah memukul seorang wanita bernama Loong Mooi, berumur 73 tahun apabila beliau melawat anaknya yang sedang dirawat di Hospital tersebut pada 26-8-1975; jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian dalam perkara tersebut.

Tan Sri Lee Siok Yew: Dukacita saya maklumkan bahawa saya tidak ada menerima sebarang surat daripada Ahli Yang Berhormat sebagaimana yang dikatakan itu yang mendakwa bahawa seorang perempuan berumur 73 tahun bernama Loong Mooi telah dipukul oleh kakitangan Hospital Daerah Kampar apabila beliau pergi melawat anaknya yang sedang dirawat pada 26-8-1975. Ini adalah suatu tuduhan yang sangat serius dan melibatkan perkara jenayah. Sepatutnya perkara itu dilaporkan kepada polis untuk tindakan yang perlu.

Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat dapat memberikan keterangan-keterangan lanjut, umpamanya nama pesakit, bilangan daftar, bila pesakit dimasukkan ke dalam wad dan sebagainya, sudah tentu penyiasatan dapat dijalankan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kerja, 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat di' baca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN EKSPOT GETAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.36 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama
(Tuan Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang

di-Pertua, saya memohon izin mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pendaftaran Ekspot Getah, 1966 dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia telah ditubuhkan pada bulan September 1973 dan salah satu fungsi utama Lembaga tersebut ialah bagi memperkembangkan kegiatan pasaran getah di Negara ini. Fungsi ini adalah selaras dengan rancangan Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pasaran getah yang terkemuka di dunia. Dalam usaha mencapai matlamat ini, berbagai rancangan telah disusun dan dilaksanakan dan dalam usaha mempercepatkan proses pertukaran Kuala Lumpur sebagai Pusat Pasaran Getah yang terkemuka di dunia, maka organisasi Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia telahpun disusun semula sejak akhir tahun 1974 dan beberapa bahagian telah di'ujudkan dalam Lembaga ini mulai tahun 1975.

Di samping itu, usaha-usaha sedang diperkembangkan bagi memperbaiki sistem pasaran getah dengan tujuan bagi mendapat maklumat-maklumat yang lengkap serta segera. Dengan itu Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia telah meneliti dan mendapati bahawa penggunaan alat-alat komputer adalah sesuai sekali untuk mencapai tujuan ini dan keputusan telah dibuat bagi menggunakan alat komputer tersebut. Penelitian telah dibuat oleh Kementerian saya bersama-sama Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia mengenai penggunaan alat komputer ini dan didapati borang-borang yang berkaitan dengan permohonan pendaftaran ekspot getah serta Sijil Pendaftaran Ekspot Getah yang ada sekarang adalah tidak sesuai dan memerlukan pindaan-pindaan bagi menyesuaikan dengan kehendak penggunaan komputer.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa mengikut peruntukan Akta Pendaftaran Ekspot Getah 1966 yang ada sekarang, didapati bahawa borang permohonan pendaftaran ekspot getah serta Sijil Pendaftaran Ekspot Getah (Rubber Export Registration Certificate) yang dikeluarkan oleh Lembaga tersebut telah diperuntukan sebagai Jadual kepada Akta itu. Dengan itu sekiranya pindaan-pindaan hendak dibuat

kepada borang-borang tersebut, maka proses untuk membentangkan pindaan itu di Parlimen hendaklah dipatuhi dan dari segi praktiknya cara yang begini adalah rumit kerana borang-borang tersebut perlu dipinda dari masa ke semasa mengikut keperluannya.

Bagi mengelakkan kerumitan yang dinyatakan itu maka Seksyen 4, Akta Pendaftaran Ekspot Getah, 1966 perlu dipinda dan didapati hanya memadai jika Menteri yang bertanggungjawab dalam hal getah (Sekarang ialah Menteri Perusahaan Utama), bagi menentukan bentuk borang-borang yang difikirkan sesuai bagi permohonan pendaftaran ekspot getah, serta Sijil-sijil Pendaftaran yang dikeluarkan kepada pemohon-pemohon. Ini adalah untuk mengelakkan pindaan-pindaan kepada borang-borang dan sijil tersebut dibawa ke Parlimen setiap kali pindaan tersebut dibuat.

Saya juga memandang berat mengenai maklumat-maklumat yang diberi oleh pihak-pihak dalam perusahaan getah dan dengan itu peruntukan telah dibuat kepada Seksyen 4 supaya sebarang permohonan kepada ekspot getah hendaklah memberi butir-butir yang sebenar dan tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pemohon. Ini adalah mustahak bagi kita untuk mengetahui terutamanya ekspot getah keluar negeri supaya dapat dinyatakan dengan tepat dan benar. Bagi menentukan supaya pihak-pihak berkenaan mematuhi kehendak-kehendak Akta ini, maka peruntukan perlu juga dibuat bagi dikenakan hukuman penjara tidak lebih dari enam bulan atau didenda tidak lebih dari \$5,000 atau kedua-duanya kepada sesiapa yang memberi maklumat yang tidak benar berhubung dengan ekspot getah tersebut. Ini adalah untuk mengelakkan maklumat-maklumat palsu dihantar kepada Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kema-
juan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin
Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.43 ptg.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu
Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini saya suka mengambil bahagian sedikit sahaja.

Yang pertama, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian yang berkenaan dan saya rasa rakyat seluruhnya merasa bangga dengan tugas-tugas dan khidmat yang dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan bagi meninggikan dan menaikkan lagi harga getah di dalam negara kita ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya suka lah meminta dan merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya lebih bersungguh-sungguh lagi di dalam usahanya untuk meninggikan harga getah dan disamping itu meninggikan pendapatan ataupun menambah pendapatan rakyat di dalam negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita merasa bangga kesemua rakyat berasa berterima kasih di atas usaha-usaha dan khidmat yang cemerlang yang telah diberikan oleh Kementerian yang berkenaan, tetapi kalau kita bandingkan kenaikan harga getah pada masa ini dengan kenaikan harga-harga barang pada masa-masa yang akhir ini masih belum boleh kita anggapkan seimbang lagi. Walaupun saya tidak menafikan dan saya beberapa kali saya suka tegaskanlah bahawa terima kasih rakyat di atas kenaikan harga getah, tetapi saya minta supaya Kementerian yang berkenaan lebih bersungguh-sungguh lagi dan saya menaruh keyakinan bahawa ikhtiar yang telah dijalankan dan akan dijalankan akan dapat memberi hasil yang lebih baik, akan dapat menaikkan dan meninggikan lagi harga-harga getah di dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini rakyat di kampung-kampung kebanyakan mereka itu hidup atau pun punca pendapatan yang besar ialah hasil daripada menoreh getah atau memotong getah, jadi apabila kenaikan harga getah ini diikuti sama dengan kenaikan harga-harga barang pada keseluruhannya, maka apabila kita tinjau kesesahan orang-orang kampung kedudukannya adalah lebih kurang sahaja dengan pada masa harga getah belum naik dan juga harga-harga barang lain tidak naik. Jadi inilah satu masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di pedalaman khususnya pekerja-pekerja menoreh getah.

Satu hal lagi, Tuan Yang di-Pertua, keadaan sekarang ini dan di saat akhir-akhir ini entah bagaimana, di mana silap, dan di mana salahnya kita tidak ketahui; hujan, kalau selalu hujan di pedalaman lebih menjadi-jadi pada masa-masa sudah. Ini salah satu sebab yang menyusahkan orang-orang

kampung untuk meneruskan usaha dan khidmat mereka atau pun ikhtiar mereka untuk menambahkan pendapatannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah sehingga sekarang ini kemajuan ahli sains kita dan kemajuan penyelidikan getah ini, sejauh mana dapat berusaha, sebab kalau di banding-bandingkan dengan masaalah lain kita boleh anggap maju dan jaya dalam usaha-usaha untuk menambahkan pendapatan rakyat, tetapi di dalam bidang mengusahakan supaya orang-orang kampung yang bekerja menoreh getah atau pun mencari makan dengan hasil getah supaya dapat menoreh atau dapat memotong getah sewaktu hujan turun. Adakah Kementerian berkenaan telah berikhtiar mencari jalan sehingga sekarang ini, wallahu'lam, saya pun belum tahu tetapi saya berharaplah dengan kemajuan sains yang ada sekarang ini supaya dapat berikhtiar moga-moga berjumpa satu ilham sains yang membolehkan orang-orang yang menoreh getah ini meneruskan kerjanya walaupun hujan turun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi boleh campur air hujan dengan susu getah.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tetapi dia meleleh juga, Tuan Yang di-Pertua, tidak masuk ke dalam bekas.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya berharaplah kalau boleh Kementerian yang berkenaan menerusi ahli-ahli sainsnya dapat mencari satu cara dan ikhtiar bagi membolehkan penoreh-penoreh getah ini meneruskan kerjanya pada musim hujan. Kalau tidak, mungkin berlaku seperti sekarang ini mengikut setengah-setengah ahli sains menyatakan disebabkan hutan di dalam negara kita ini telah banyak ditebang ataupun dibersihkan menyebabkan hujan banyak turun di pedalaman. Ini saya mengakulah, saya tidak tahu. Tetapi mengikut kenyataan-kenyataan yang diberi itulah keadaannya. Jadi kalaulah keadaan begini sudah tentu negara kita sekarang ini merancangkan lebih banyak lagi pembukaan-pembukaan tanah yang semestinya kawasan-kawasan hutan ini akan ditebang dan diterangkan lebih lagi daripada apa yang ada sekarang ini dari

masa ke semasa. Kalau betullah alasan itu maka sudah tentulah hujan di dalam negara kita ini lebih-lebih lagi di pedalaman akan lebih banyak lagi dari masa ke semasa, dan ini akan lebih merumitkan dan akan menyusah serta akan merosotkan lagi pendapatan orang-orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai lesen-lesen kepada penjual-penjual di kampung-kampung. Saya mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya membuat kajian semula dalam perlaksanaan peraturan ini moga-moga peraturan ini dapat dijalankan dengan lebih licin dan lebih sempurna lagi dan tidak menyusahkan orang-orang kampung hendak menjual hasil-hasil getah mereka itu. Setahu saya, apa yang dijalankan pada masa ini sedikit-sebanyak menyusahkan orang-orang kampung yang jauh daripada bandar-bandar ataupun yang jauh daripada tempat-tempat mengeluarkan lesen getah dan juga pada fahaman saya orang-orang yang menoreh ataupun menjual getah yang sedikit itu saya rasa tidaklah seimbang kesusahan yang mereka terima dengan hasil yang didapati oleh pihak pentadbir di dalam negara kita ini. Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sekali lagi di dalam soal ini Kementerian yang berkenaan akan cuba mengkaji semula dan menyelidiki moga-moga dapat satu cara yang lebih menyenangkan dan menguntungkan kedua-dua belah pihak dan sedikit-sebanyak kita dapat memberi kesenangan kepada orang-orang kampung yang memang diakui susah sehingga sekarang ini.

3.54 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pendaftaran Ekspot Getah (Pindaan) 1976, yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Saya sangatlah bersetuju dengan kenyataan-kenyataan yang telah diberikan oleh Kementerian yang berkenaan untuk memberikan kuasa kepada Menteri Perusahaan Utama membuat sesuatu bersabit dengan borang permohonan mengekspot getah di negara kita. Saya kira ini bukan sahaja memberi kuasa kepada Menteri yang berkenaan untuk membuat sesuatu yang bersabit dengan borang permohonan itu bahkan ini adalah satu lagi langkah yang diatur oleh Kerajaan di samping Rang Undang-undang Menstabilkan Harga Getah

yang telah dihusulkan oleh Dewan ini dalam bulan Julai, 1975 yang lalu. Dalam usaha-usaha Kementerian berkenaan untuk melindungi perusahaan dan mutu getah keluaran negara kita dalam usaha-usaha untuk menstabilkan harga bahan itu serta dalam usaha mengekalkan kestabilan supaya sentiasa di dalam keadaan yang agak stabil daripada satu-satu masa untuk kepentingan negara dan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh langkah Kerajaan untuk menstabilkan harga getah, saya mohon izin, untuk melafazkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan, kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan lain-lain pihak yang berkenaan yang telah mengambil beberapa langkah dan tindakan di peringkat kebangsaan dan di peringkat antarabangsa untuk menstabilkan harga bahan-bahan itu. Kesan daripada langkah dan tindakan itu, harga getah yang telah merosot ke paras yang sungguh rendah kira-kira di pertengahan tahun 1974 yang lalu telah agak stabil sepanjang tahun 1975 dan hinggalah sekarang ini. Ini bukan sahaja memberikan kesan yang baik kepada ekonomi negara kita bahkan juga memberi satu nafas yang agak melegakan kepada penghidupan rakyat terutama sekali golongan pekebun-pekebun kecil yang sungguh-sungguh terdesak dengan kejatuhan harga getah di pertengahan tahun 1974 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya langkah Kerajaan menghantar beberapa rombongan perdagangan getah melawat negara-negara pengguna getah asli telah memberikan kesan yang sangat baik dalam usaha memperkenalkan getah keluaran negara kita dan menarik minat negara-negara pengguna untuk membeli getah dari negara kita dengan secara langsung dan tidak melalui sesebuah negara yang lain. Oleh kerana langkah menghantar rombongan ini sungguh memberi kesan, saya mengambil peluang ini menyeru Kementerian yang berkenaan supaya menghantar lebih banyak lagi rombongan-rombongan yang seperti itu terutama sekali kepada negara-negara di Timur Tengah dan juga di negara-negara Eropah Timur untuk menggalakkan negara-negara pengguna di sebelah sana membeli lebih banyak lagi getah asli dengan secara langsung daripada negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC), saya mengalu-alukan penubuhan kilang-kilang MARDEC untuk menolong pekebun-pekebun kecil bagi mendapatkan harga yang lebih baik dan untuk mengurangkan masa dan tenaga pekebun-pekebun kecil dalam pekerjaan harian mereka. Oleh kerana di sebelah utara yang mengandungi daerah-daerah Kubang Pasu, Padang Terap bagi negeri Kedah dan juga di seluruh negeri Perlis masih lagi belum mendapat perkhidmatan daripada kilang-kilang MARDEC itu, saya menyeru Kementerian yang berkenaan supaya mendirikan sebuah lagi kilang yang tersebut di sebelah utara sana ataupun sekurang-kurangnya buat sementara waktu ini mengadakan pusat-pusat pembelian susu getah di daerah-daerah yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kilang MARDEC juga saya ingin hendak menyatakan sedikit sungutan daripada orang ramai bersabit dengan kilang MARDEC ini. Menurut sungutan-sungutan yang saya terima ialah bersabit dengan harga getah buku (getah sekerap) yang dibeli oleh kilang-kilang ini. Getah-getah ini dibeli oleh kilang-MARDEC daripada ejen-ejennya yang ada di daerah situ. Menurut ejen-ejen itu jika mereka menjual kepada seseorang ejen yang tertentu, mereka boleh mendapat harga yang lebih baik daripada mereka terus menjual kepada kilang-kilang MARDEC. Dalam erti-kata yang lain, semua ejen-ejen MARDEC yang lain lebih suka menjual kepada seseorang ejen yang tertentu untuk mendapatkan harga yang lebih baik daripada menjual terus kepada kilang. Sedangkan ejen yang tertentu tadi pun menjualkan getah buku dan getah sekerapnya kepada kilang-MARDEC juga. Ditelek daripada sungutan-sungutan yang seperti ini maka mungkinlah ada sesuatu yang tersirat di antara seseorang ejen yang tertentu itu dengan pihak kilang MARDEC di tempat itu. Ini mungkin dan saya katakan sekali lagi mungkin, bukan tuduhan. Oleh itu, saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian di dalam perkara yang seumpama ini untuk mengelakkan sesuatu apa yang disebut menggunting dalam lipatan. Inilah harapan saya kepada Kementerian yang berkenaan dan pada akhirnya sekali

lagi saya menyatakan bahawa saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pendaftaran Ekspot Getah, 1966.

4.02 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pendaftaran Ekspot Getah yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sedikit di sini ialah sebagaimana yang dikatakan tadi bahawa kejayaan Kementerian ini untuk menaikkan harga getah adalah dialu-alukan dan amat gembira sekali. Cuma dalam beberapa perkara saya kurang mendapat keterangan iaitu berkaitan dengan rancangan pembelian getah daripada pekebun-pekebun kecil di luar bandar. Mengikut pihak Kementerian ini pada beberapa masa yang lalu iaitu Kementerian melalui perbadanannya membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil dengan tujuan untuk menaikkan harga getah dan dengan tujuan memberi nikmat kepada orang-orang kampung. Hasil daripada rancangan ini amatlah berjaya di mana harga getah telah naik dan orang kampung telah dapat keuntungan dengan pembelian itu. Kalau dahulu mereka bergantung semata-mata kepada orang tengah tetapi dengan pembelian getah oleh Kementerian ini daripada orang-orang kampung, maka mereka tidak bergantung lagi kepada orang tengah, dan orang tengah yang membeli pun tidak berani membeli dengan harga yang murah. Tetapi malang sekali baharu-baharu ini, lebih kurang dua bulan yang lalu, pihak Kementerian ini telahpun berhenti menjalankan pembelian getah daripada orang-orang kampung. Apakala saya membuat tinjauan didapati bahawa jawapannya ialah kononnya harga getah sudah naik dan tak perlu lagi Kementerian membeli getah daripada orang kampung. Apakala pihak Kementerian ini berhenti membeli getah di kampung-kampung maka tempatnya diambil balik oleh orang tengah dan harga getah yang selama ini telahpun dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil luar bandar dengan harga yang tinggi, sekarang sudah turun sedikit, iaitu kurang \$5 daripada biasa, kadang-kadang \$7, kadang-kadang sampai \$10. Jadi, pihak RISDA, Lembaga Pelesenan Getah agaknya ada berselisihan faham sedikit

dalam hal ini dengan Kementerian, sebab saya fikir tentulah pihak Lembaga lebih cenderung untuk menjalankan operasi membeli getah, sedangkan ada bercanggah sedikit iaitu pihak Kementerian yang lebih gemar supaya jalan ini diberhentikan dengan sebab harga getah telah naik.

Saya minta Yang Berhormat Menteri dan Timbalannya mengkaji semula dalam hal ini agar rancangan pembelian getah di kampung-kampung dijalankan semula supaya orang-orang kampung kembali mendapat pendapatan yang saya katakan tadi. Jika tidak, saya bimbang kembali kepada kerja lama sebagaimana di masa yang lalu orang-orang kampung semata-mata bergantung kepada orang tengah. Orang tengah kata harga \$40 sepikul: ya \$40, \$35 sepikul: baiklah \$35 ataupun, \$60; \$60 tidak ada tawar-menawar. Saya bimbangkan penyakit lama itu kembali semula dan saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengkaji semula dalam hal ini. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

4.06 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pendapat mereka di dalam perbincangan di atas Akta yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri saya tadi. Saya suka dengan seberapa ringkas menjawab beberapa hujah yang telah dikemukakan. Pertama sekali, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah membangkitkan tiga soalan iaitu soal yang pertama ialah berhubung dengan soal harga getah supaya harganya dinaikkan lebih lagi terutama sekali katanya, "memandangkan kepada keadaan harga barang-barang telah juga naik begitu tinggi." Saya suka menyatakan bahawa sebenarnya kalau dibandingkan harga getah dalam bulan November, 1974, harga getah pada masa itu ialah 97 sen sekilo tetapi pada masa ini harga getah ialah lebih kurang \$1.90 sekilo. Ini telah menunjukkan bagaimana tingginya harga getah itu sudah melompat naik ke peringkat lebih daripada masa yang pada mula-mula saya mengambil alih selaku Menteri Perusahaan Utama dan ditugaskan untuk menjaga ataupun menstabilkan harga getah. Pada pendapat saya tidaklah benar

kalau dikatakan bahawa harga barang-barang telah naik begitu melompat tinggi sama dengan cara harga getah melompat tinggi.

Apa yang saya suka tegaskan di sini ialah bahawa soal harga getah ini kita ialah soal sebenarnya penstabilan harga dan bukan soal menaikkan harga. Penstabilan harga bermakna bahawa harga getah itu hendaklah dipastikan mengikut kos pengeluarannya dan usaha mereka yang menanam serta terlibat di dalam perusahaan getah. Dari segi ini nampaknya kita telah berjaya oleh sebab Kerajaan telah mengambil tindakan yang dikenal sebagai "crash programme" pada bulan November, 1974 dan menstabilkan harga. Pada saat ini juga Kerajaan nampaknya telah berjaya mendapat persetujuan negara-negara pengeluar getah asli menubuhkan Sekim Stok Penimbal yang diharapkan akan ditanda-tangani pada tahun ini juga.

Cara kita hendak memastikan penstabilan harga getah ialah bahawa selain daripada "crash programme" ataupun undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan yang bahagia ini pada tahun lepas, dan penubuhan Stok Penimbal Getah Antarabangsa, kita haruslah mencari pasaran baru seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap tadi, dan juga dengan kita cuba mencari penggunaan getah asli untuk mengeluarkan bahan-bahan baru yang akan dapat menggunakan getah asli di dalam dunia ini selain daripada penggunaan getah asli yang lebih kurang 50% daripadanya digunakan di dalam pengeluaran tayar. Di dalam hal ini nampaknya kita telah berjaya di beberapa lapangan. Tidak dapatlah saya memberikan senarai bahan-bahan baru yang menggunakan getah asli yang telah dapat digubal oleh Rubber Research Institute negara kita.

Soal kedua yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus ialah soal hujan. Soal hujan ini ialah satu soal kuasa Tuhan dan tidak dapat ditahan. Walau bagaimanapun, dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung dengan soal hujan ini harus dijawab. Yang pertamanya ialah berhubung dengan tempat tanaman getah. Saya suka menyatakan bahawa saya telahpun mengarahkan pegawai-pegawai berkenaan di Kementerian saya untuk memastikan supaya di mana didapati hujan turun begitu lebat

dan terlampau berat kedudukan hujannya hingga mengakibatkan buruk kepada tanaman getah, maka keadaan kawasan ini haruslah dikaji semula supaya sekiranya tidak sesuai ditanam dengan getah dan harus ditanam dengan tanaman-tanaman yang lain. Yang kedua, soal cara kita mengumpulkan getah asli. Sebenarnya satu cara telahpun dapat dipastikan oleh Pusat Penyelidikan Getah Asli (Rubber Research Institute) dengan menggunakan beg pelastik. Beg pelastik ini digunakan supaya apabila telah ditoreh sekali beg pelastik ini boleh mengandungi getah cair dan boleh disimpan hingga seminggu dipangkal pokok itu. Tetapi satu soal yang dihadapi menjadi soal teknikal sekarang ialah takut-takut beg pelastik itu nanti dicuri orang, senang sahaja seminggu sekali dan ini akan menjadikan satu soal yang rumit yang dihadapi oleh penanam-penanam getah.

Soal ketiga yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus ialah berhubung dengan soal pelesenan yang dihadapi oleh orang-orang kampung. Saya sukalah menyatakan dan menegaskan sekali lagi bahawa pihak Lembaga Pelesenan telahpun menubuhkan yunit bergerak pergi ke kampung-kampung untuk membaharui lesen mereka di kampung-kampung di ceruk-rantau negara. Sekiranya didapati bahawa cara ini tidak memuaskan kepada orang-orang kampung, maka mereka bolehlah membaharui, lesen mereka itu dengan jalan pos. Soal ini telahpun dijawab di dalam satu siri soal-jawab di dalam Dewan ini dahulu.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telahpun membangkitkan soal rombongan dan saya telahpun bersetuju pada asasnya mengenai pendapatnya iaitu kita harus mencari pasaran yang baru. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat pada saat ini pun ada satu rombongan yang sedang mengembara ataupun melawat negara-negara di Asia Barat.

Berhubung dengan soal MARDEC yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap tadi, sukalah saya menyatakan bahawa pihak Kementerian saya memang sedar atas kelemahan-kelemahan yang sedang dihadapi oleh MARDEC malahan kita baru sahaja dapat memastikan pentadbiran yang agaknya lebih licin sedikit oleh sebab MARDEC ini adalah satu badan yang baru. Saya mengakui ianya

terbiar sedikit dalam satu dua tahun yang lepas, oleh sebab saya sibok dengan Sekim Stok Penimbal dan menstabilkan harga getah. Tetapi sekarang kita telah mula bergerak untuk melicinkan pentadbirannya dan Insya Allah, pada masa-masa yang akan datang dalam dua tiga bulan lagi kita akan memberitahu langkah-langkah pentadbiran yang tertentu yang akan diambil oleh MARDEC untuk memastikan bahawa pentadbirannya pada keseluruhannya akan lebih baik daripada masa-masa yang lepas. Tetapi saya suka menyatakan di sini bahawa saya tidaklah dapat memenuhi permintaan Ahli Yang Berhormat untuk mengadakan satu kilang baru, oleh sebab saya telah mengarahkan bahawa semua kilang-kilang yang ada sekarang ini dikaji dengan telitinya dan diperhatikan dan saya tidak membenarkan apa juga kilang baru didirikan, melainkan setelah dikaji dengan sedalam-dalam atas keadaan yang sebenarnya, samada pembinaan kilang itu benar-henar akan memberi kebaikan kepada pekebun-pekebun kecil di sekeliling kawasan kilang yang dicadangkan untuk didirikan sesuatu kilang itu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun, saya suka menyatakan di sini bahawa sebenarnya rancangan pembelian getah yang telah dijalankan oleh Kementerian saya yang dikenal oleh orang-orang kampung sebagai Rancangan Pembelian Getah RISDA, sebenarnya bertujuan untuk memastikan bahawa getah asli yang dijual oleh orang-orang kampung itu sekurang-kurangnya mengikut harga harian. Ini bermakna bahawa Yunit Pembelian Getah ada menunjukkan wakilnya di sesuatu kawasan dengan pengetahuan penuh atas harga getah pada hari itu dan wakil ini cuba menunggu sahaja dan melihat memastikan bahawa mereka yang lain yang hendak membeli getah di situ akan membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil dengan harga pasaran hari itu. Kalau pihak swasta menawarkan harga yang lebih Yunit Pembelian Getah tidak membelinya, tetapi kalau pihak swasta menawarkan harga yang kurang maka barulah wakil Yunit Pembelian Getah itu membeli getah itu. Jadi, tidaklah benar kalau dikatakan getah itu kerap kali turun harganya dan mengikut suka hati pembeli-pembeli sahaja terutama sekali di mana ada wakil Yunit Pembelian Getah itu. Tetapi apabila mereka tidak ada,

mungkin perkara ini terjadi. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa saya memang sedar atas permintaan-permintaan yang telah dikemukakan kepada Kementerian saya supaya diteruskan wakil-wakil Yunit ini berada di kampung-kampung yang berkenaan dan siasatan lanjut sedang dibuat dan sedang dipastikan Insya Allah di mana tempat-tempat yang difikirkan benar-benar perlu wakil-wakil Yunit ini diadakan akan ditetapkan wakil-wakil itu pada masa-masa yang akan datang. Untuk kita memastikan harga getah juga, saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat, saya percaya beliau tiap-tiap pagi tentulah bangun sembahyang Subuh sebagai Wakil Rakyat yang agaknya saya kenal sebagai seorang yang alim, pada tiap-tiap pagi pukul 6.30 hingga 6.45 pagi kita memberitahu dan menghebahkan harga getah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Semua Wakil Rakyat ini sembahyang Subuh, Yang Berhormat!

Datuk Musa Hitam: Semua Wakil Rakyat sembahyang Subuh, tetapi yang ini special, saya fikir tentu beliau tidak lepaskan, peluang mendengar rancangan ini. Saya harap kalau beliau terlepas ataupun terlupa, agaknya selepas sembahyang Subuh beliau tertidur, tunggulah sekejap hingga pukul 6.30 pagi dengar siaran harga getah benar-benar. Saya percaya semua orang kampung mendengar dan tahu atas harga getah pada hari yang berkenaan itu.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas pendapat-pendapat yang telah dikemukakan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.20 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Cap Dagangan, 1976, iaitu satu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan yang lebih baik di dalam undang-undang berkenaan dengan Cap Dagangan dan untuk perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang kedua.

Pada masa sekarang terdapat 3 Undang-undang Cap Dagangan, iaitu Ordinan Cap Dagangan (No. 26 Tahun 1950) bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Cap Dagangan (Cap 142) bagi negeri Sabah dan Ordinan Cap Dagangan (Cap 62) bagi negeri Sarawak. Kedua-dua Ordinan yang berkuatkuasa di negeri Sabah dan di negeri Sarawak itu telah dijadikan undang-undang Persekutuan apabila Malaysia ditubuhkan dan kemudian dipinda untuk melanjutkan kuasa-kuasa Menteri Persekutuan yang berkenaan ke kedua-dua buah negeri tersebut berhubung dengan hal ehwal cap dagangan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kelemahan terdapat di bawah undang-undang sekarang ini dengan kerana ada tiga sistem pendaftaran dengan tiga daftar yang berasingan terpaksa dikendalikan iaitu di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan di Sarawak di bawah Undang-undang Cap Dagangan masing-masing dan juga bagi mendapatkan perlindungan cap dagangan bagi seluruh negara, seseorang itu terpaksa membuat tiga permohonan berasingan di bawah tiga undang-undang dan ini menyebabkan kesusahan kepada orang-orang yang memohon untuk mendaftarkan cap-cap dagangan. Memandangkan kepada keadaan yang tidak memuaskan itu dan juga dengan kerana adanya perkara-perkara lain di dalam undang-undang yang sekarang ini perlu diubahsuai dengan perkembangan-perkembangan di bidang perdagangan dan perusahaan, maka satu Jawatankuasa telah dikendalikan dan dibentuk oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang mengandungi wakil-wakil daripada beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan dan juga

pihak swasta untuk mengkaji penyusunan semula pentadbiran sekarang, sambil mengu-
langkaji undang-undang yang ada sekarang dengan tujuan mengemaskinikan undang-undang ini untuk disesuaikan dengan perkembangan di dalam bidang perdagangan dan perindustrian di negara ini. Jadi, sebagai kesimpulannya perkara-perkara berikut adalah tujuan Rang Undang-undang ini:

- (a) Menyatu dan menyamakan ketiga-tiga undang-undang Cap Dagangan yang ada sekarang yang berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan mengujudkan satu undang-undang sahaja;
- (b) Mengadakan satu sistem pendaftaran pusat untuk Cap Dagangan di mana suatu pendaftaran sahaja akan diberi perlindungan dan hak di seluruh negara kepada sesuatu permohonan yang telah diluluskan;
- (c) Mengadakan Pejabat Pendaftaran Pusat Cap Dagangan di Kuala Lumpur dengan pejabat-pejabat wilayah di tempat-tempat yang sesuai di negeri ini;
- (d) Menghapuskan beberapa peruntukan di dalam undang-undang sekarang yang telah menjadi lapuk dan yang tidak lagi sesuai atau menasabah di samping mengadakan peruntukan-peruntukan baru yang sesuai dengan aliran-aliran sekarang tentang pendaftaran Cap Dagangan.

Dengan perubahan-perubahan dan peruntukan-peruntukan yang lebih baik dan lebih kemas yang telah dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini, saya percaya Rang Undang-undang ini akan dapat memberi kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada pedagang-pedagang dalam hal ehwal pendaftaran dan perlindungan Cap Dagangan di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Persidangan dtempohkan selama 20 minit.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 4.25 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

4.50 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Cap Dagangan iaitu suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berkenaan dengan Cap Dagangan dan untuk perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana memperkenalkan Rang Undang-undang ini untuk tujuan memansuhkan Ordinan Cap Dagangan, 1950. Ordinan Cap Dagangan Sabah dan Ordinan Cap Dagangan Sarawak serta memperbaiki peruntukan Undang-undang yang berkaitan dengan Cap Dagangan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Malaysia yang terus maju di dalam bidang perindustrian, kita dapat menjangkakan bahawa banyak pengeluaran yang boleh diperolehi dari kegiatan-kegiatan itu dan tentu sekali pengeluaran-pengeluaran itu ada mempunyai Cap Dagangannya. Apabila pengeluarannya kelak bertambah adalah menjadi tugas Kerajaan untuk memastikan bahawa setiap pengguna mestilah mendapatkan barang-barang yang dikehendakinya sesuai dengan wang yang dibayar dan cara yang tepat untuk memastikannya hanya dengan pengenalan Cap Dagangan di atas setiap pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini duplikasi pemansuhan menerusi Cap Dagangan dan menyamakan rupa sesuatu pengeluaran dengan barang-barang yang telah terkenal mutunya kini telah menjadi begitu lumrah di dalam lapangan perindustrian. Perbuatan seumpama itu bolehlah diibaratkan sebagai perompakan Cap Dagangan. Oleh itu, adalah menjadi tugas Kerajaan untuk memperkenalkan satu undang-undang yang tegas khusus untuk memelihara dan memastikan perbuatan curang itu tidak akan berlaku dalam pasaran pengeluaran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sedikit pengalaman yang ada pada saya, saya sendiri telah pernah bersua bagaimana setengah-setengah perbuatan barang-barang dagangan

begitu mampu meniru Cap-cap Dagangan dengan warna-warnanya betul-betul merupakan barang-barang pengeluaran yang telah terkenal adalah amatlah sukar untuk dikenali melainkan kita memberikan perhatian yang teliti semasa membelinya. Satu contoh yang saya ingin sebutkan di sini ialah pada satu masa yang belum berapa lama lagi, saya telah pergi ke satu tempat untuk membeli ubat gigi, di situ saya telah membeli jenis ubat gigi yang biasa saya pakai. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, semasa saya menggunakannya, saya dapati rasanya berlainan, kemudian saya pun mula memperhatikan dengan teliti dan pada ketika itu barulah saya sedar yang saya telah membeli sekotak ubat gigi yang lain, tetapi nampaknya serupa. Warna kotaknya sama, ukurannya sama, serta susunan hurufnya sama, cuma bedzanya ialah ejaannya adalah berlainan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Menggosok waktu pagi ataupun masa hendak tidur? (*Ketawa*)

Tuan S. Samy Vellu: Pagi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak diperhati-hatikan kita akan tetap terkeliru. Contohnya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kita semua pernah melihat satu jenis biscuit yang paling terkenal iaitu Cream Craker Biscuit yang dijual di market, ini telahpun ditiru sekarang. Sekiranya kita dalam keadaan tergesa-gesa sudah pasti kita terkena membayar jenis biscuit yang kurang baik mutunya. Oleh itu rupa bentuk, warna dan susunan ayat mestilah betul-betul diperiksa sebelum seseorang itu dibenarkan mengeluarkan satu-satu barang dagangan. Seterusnya baju kemeja Australia adalah satu jenis yang paling terkenal di kalangan rakyat Malaysia, tetapi kini baju kemeja seumpama itu telah juga ditiru dengan cara yang sungguh tinggi bentuk susunannya hinggalah susah untuk dikenali samada kita membeli yang tulin atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin mencadangkan ialah papan tanda perniagaan hendaklah juga dicontohkan dengan cara-cara yang tertentu, perkara ini adalah berdasarkan beberapa sebab, umpamanya, saya ingin menyebutkan di sini iaitu berhubung dengan pusat kesihatan, Kementerian Kesihatan mempunyai berbagai-bagai pusat kesihatan di seluruh negara. Tetapi dalam bentuk yang sama semua hotel-hotel Bintang Lima (Star) di seluruh

bandaraya Kuala Lumpur telah juga merupakan pusat kesihatan. Perbezaan asasnya di antara dua buah pusat kesihatan itu kita sendiri telah faham apakah dia yang sebenarnya. Satu ialah pusat kesihatan perubatan dan satu lagi ialah pusat kesihatanurut, dengan keadaan yang demikian sebuah pusat kesihatan dengan sendirinya telah ditaklukkan oleh tempat-tempat urut. Saya harap Kerajaan akan dapat memberikan sedikit perhatian terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan bahawa barang-barang buatan luar negeri hendaklah juga didaftarkan di dalam negeri kita mengikut undang-undang di negeri kita ini akan membolehkan kita menyimpan semua rekod-rekod mengenai barang-barang itu. Dengan jalan itu kita juga akan dapat menghapuskan semua barang-barang tiruan tempatan yang dibuat oleh pembuat-pembuat palsu yang mungkin mendakwa kononnya barang-barang itu sebagai buatan luar negeri.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, inilah saya menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini boleh dikatakan baik. Dengan itu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan yang telah memperkenalkan Rang Undang-undang ini.

4.58 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kerana saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang ini akan bertambah baik lagi di segi perniagaan terutamanya di segi cap-mengecap.

Perkara yang pertama yang saya amat tertarik hati di atas Rang Undang-undang ini sebagaimana diuraikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi iaitu undang-undang ini akan disatukan yang mana dahulu Sabah dan Sarawak lain dan di Malaysia lain, tetapi hari ini akan disatukan. Saya berpendapat amatlah sesuai kerana kita sebagai satu negara segala-galanya patut kita sesuaikan undang-undang yang perlu baik pun di timur ataupun di barat, sebab tidak eloklah kalau sekiranya di utara undang-undang lain, di selatan undang-undangnya lain, begitu juga di timur, sedangkan kita satu negara patutlah segala undang-undang disamakan bagi seluruh Malaysia kita.

Kedua, saya berpendapat segala cap perniagaan itu banyak sangat yang telah dicap dengan bahasa-bahasa lain dari Bahasa Kebangsaan. Jadi kadang-kala bila didapati atau dilihat oleh setengah golongan seolah-olah negara Malaysia ini Bahasa Kebangsaan tidak berapa digunakan, kalau digunakan pun tulisannya kecil di bahagian bawah sekali tertulis dalam Bahasa Malaysia yang di atas bahasa lain.

Saya percaya tidak ada perkara yang payah kalau kita hendak praktikkan. Contohnya, dalam Dewan ini di masa lepas kita boleh bercakap dalam dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan, kecuali dalam masa Soal Jawab. Disebabkan pengumuman Tuan Yang di-Pertua di masa yang lepas mengikut penggal persidangan sekarang ini tidak dibolehkan bercakap selain dari Bahasa Kebangsaan, saya dapati ramai Ahli-ahli yang dahulu jarang bercakap Bahasa Kebangsaan, sekarang menggunakannya seperti seorang kawan saya Ahli dari Sungai Siput.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini?

Tuan Shaari bin Jusoh: Hendak menguatkan Bahasa Kebangsaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah, sila teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Itu sebagai satu contoh. Saya berharap sangat cap dagangan itu hendaklah dipakai dalam Bahasa Kebangsaan, dan bahasa lain biarlah kecil, jangan Bahasa Kebangsaan sebagai Bahasa Rasmi jadi kecil dan bahasa lain besar. Demikianlah harapan saya, walaupun dari segi perniagaan saya dapati perkara ini kalau kita amalkan juga, bagi orang yang akan membeli lambat-laun akan memerhatikan sungguh-sungguh.

Ketiga, saya sokong kuat seperti yang dikatakan oleh rakan saya dari Sungai Siput tadi mengenai cap dagangan tiruan. Bukan sahaja mengenai ubat gigi, sehinggakan wang ringgit pun berlaku tiruan. Kiranya manusia yang tidak dapat membezakan, cuma tengok cap sahaja satu-satu benda, misalnya, Cap Harimau, dijual dengan harga \$10, datang pula satu Cap Harimau lain harganya \$5,

sedangkan capnya sama, orang yang tidak tahu tentulah hendak beli yang \$5. Kandungan barang itu kita tidak tahu kerana ditutup dengan capnya yang cantik.

Dengan sebab itu, saya berharap Kementerian ini bersedia memerhatikan perkara ini dengan serious dan hendaklah mengambil tindakan berat betul-betul. Kalau ada penipuan itu berlaku hendaklah diambil tindakan yang sewajarnya kerana benda ini terlampau merbahaya.

Selain daripada menyebabkan mutunya tidak baik, apatah lagi kalau benda itu adalah ubat-ubat yang disangka menjadi penawar, sebaliknya boleh menyebabkan keburukan. Satu contoh saya sendiri beberapa hari lalu sakit gigi. Seorang kawan membawa saya kepada seorang pakar gigi. Dicabutnya gigi saya yang sakit ini tinggal tunggul dan masih tidak tercabut lagi. Jadi akhirnya saya pun angkat tangan tidak pergi hendak cabut lagi, tinggal tunggul di bawah. Bila saya siasat esoknya dia bukannya pakar gigi tetapi tukang jual ubat gigi di tepi jalan. Saya terpengaruh cakap kawan tadi, akhirnya gigi saya sakit hingga hari ini. Ini padahnya ahli tiruan macam cap tiruan itu. Jadi dengan sebab itu saya berharap Kementerian berkenaan dan saya yakin Menteri berkenaan bersedia juga mengambil tindakan seberat-beratnya atas perkara ini.

5.05 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya sukaiah mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput dan Kangar yang telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Saya cuba menjawab tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, sungguhpun saya mengaku di sini saya kurang faham atas percakapannya itu, dalam sangat telor Perlisnya itu, saya tidak berapa faham tetapi saya cuba

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini bukan kali pertama, Yang Berhormat Menteri mengadu tidak faham, sudah banyak kali tidak faham.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Ini kali yang kedua. Saya cuba juga memahami tetapi saya mengaku di sini

bahawa saya tidak memahami sepenuhnya atas kenyataan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya rasa Yang Berhormat Menteri faham tetapi dia melawak sahaja.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Semasa dia berucap dahulu, saya cuba tengok perkataan dalam kamus tetapi tidak ada (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi saya perhati Yang Berhormat ketawa bukan tidak ada. (*Ketawa*).

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya memang akui sebagaimana yang dikatakan tadi ada barang-barang tiruan tetapi ini rasa saya salahnya adalah kepada orang-orang yang menjual barang-barang berkenaan. Mungkin orang yang berkenaan itu tidak memahami berkenaan dengan undang-undang cap dagangan yang memang sudah berjalan kuat-kuasanya sejak beberapa tahun lalu. Ada aduan-aduan, umpamanya dibuat oleh pihak yang berkenaan khususnya peniaga ataupun pengusaha bumiputra yang mengeluarkan barang macam kicap seperti yang disebut oleh Yang Berhormat ditiru cap dagangan oleh pihak lain. Tetapi malangnya apabila perkara ini dibawa kepada Kementerian, saya didapati bahawa orang itu dalam pada dia telah menjalankan perusahaannya dan perniagaannya sejak beberapa tahun lamanya telah tidak pernah mendaftarkan capnya kepada Bahagian yang berkenaan dalam Kementerian ini. Dengan sebab itu, sukarlah bagi kita mengambil tindakan terhadap orang yang dikatakan telah meniru cap dagangannya itu yang dikatakan telah menyebabkan kerugian besar kepada pihak yang berkenaan itu.

Di dalam perkara ini sukaiah saya memberi nasihat khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menggerakkan badan-badan berkenaan yang boleh memberi tunjuk ajar dan pandangan dalam perkara ini khususnya seperti persatuan pengguna-pengguna. Saya tahu bukan sahaja telah ditubuhkan di peringkat pusat bahkan di peringkat negeri, untuk badan ini memberi penerangan, kenyataan yang jelas dan terang kepada pembeli-pembeli dan pengguna supaya sentiasa memerhati dengan teliti

barang-barang yang dibeli oleh mereka oleh kerana ada kalanya barang-barang yang dibeli itu tidaklah sebagaimana yang diharapkan dari segi harga dan mutu sebagaimana Yang Berhormat dari Sungai Siput katakan tadi.

Dengan kenyataan yang tepat dan terang diberi kepada pengguna dan pembeli-pembeli oleh badan-badan seperti persatuan pengguna-pengguna, saya percaya perkara penyalahgunaan cap dagangan dan penjualan barang-barang yang tidak selaras dengan kualiti atau mutu yang ada pada cap dagang itu dapat kita atasi.

Dalam perkara ini juga saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput bahawa perkara penjualan barang yang kurang baik dari segi mutu satu cap dagangan itu bolehlah diambil tindakan yang sesuai di bawah satu undang-undang yang lain iaitu Undang-undang Trade Description Act, dalam mana kalau sekiranya pengguna itu mendapati bahawa barang itu bukan barang yang sebenar sebagaimana yang diterangkan oleh cap dagangannya ataupun barang itu tidak mengandungi bahan-bahan, mutu, kualiti yang sepatutnya berada pada barang yang dibeli itu, pihak yang berkenaan itu boleh membuat aduan dan tindakan sewajarnya akan dapat diambil di bawah undang-undang (Trade Description Act) yang saya katakan tadi.

Tentang perkara mutu dan berat barang-barang ini Kementerian Perdagangan dan Perusahaan adalah sedang mengambil langkah mengadakan peraturan di bawah undang-undang Control of Supply Act ataupun Undang-undang Kawalan Perbekalan supaya barang yang diimpot mestilah ditaruh tanda (label) yang menunjukkan bukan sahaja harga bahkan berat dan bahan mutu barang yang ada terkandung dalam barang-barang yang diimpot.

Dan peraturan ini akan juga dikenakan kepada barang-barang yang dikeluarkan di kilang-kilangnya dan yang dijual oleh pemborong-pemborong dan malahan peruncit-peruncit dimerata negara. Ini adalah dengan tujuan supaya orang-orang yang membeli barang-barang ini dapat mengetahui harga barang-barang itu pada masa dibawa masuk diimpot, kalau sekiranya barang-barang itu di bawa masuk daripada luar negeri dan juga sekiranya di keluarkan di kilang-kilang

di sini pihak-pihak yang membeli dapat membandingkan harga ex-factory ataupun harga barang-barang ini apabila keluar daripada kilang-kilang dengan harga-harga yang dijual oleh pihak-pihak pemborong dan peruncit di kedai-kedai.

Tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan perkara cap bintang tadi, suka saya nyatakan bahawa perkara ini tidaklah dalam jagaan Kementerian saya, ini adalah rasa saya dalam pihak-pihak yang berkenaan di dalam Bandaraya ataupun dalam Bandar-bandar, mungkin pada masa hendak didaftarkan satu-satu perniagaan ataupun badan-badan perniagaan yang menjalankan perniagaan ataupun perusahaan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin pihak yang berkenaan itu terpaksa mendaftarkan dengan Syarikat Pendaftaran Perniagaan, tetapi dalam pada mendaftar itu tidaklah pihak yang berkenaan yang mendaftarkan menyiasat latar belakang cara-cara, rupa-rupa perniagaan yang dijalankan oleh mereka itu.

Tentang barang-barang di luar negeri di daftar sebagaimana Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu boleh lihat, Undang-undang ini ada mempunyai fasal ataupun perkara dalam mana pihak-pihak yang menjual yang dikeluarkan daripada di luar negeri kita ini boleh mendaftarkan cap dagangan barang-barang tersebut supaya barang-barang itu tidak ditiru oleh pihak-pihak yang mengeluarkan barang yang agak serupa rupanya di dalam negeri ini.

Tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kangar bahawa kurang adanya kegunaan Bahasa Malaysia di dalam cap-cap barang yang dijual, di sini suka saya menyatakan bahawa langkah diambil oleh Kementerian bukan dari segi Undang-undang buat masa ini, tetapi dari segi arahan meminta pihak-pihak yang berkenaan mengeluarkan barang-barang dengan adanya juga tercatit Bahasa Malaysia di dalam barang-barang yang dikeluarkan. Saya suka menyatakan di sini bahawa sambutan terhadap arahan ataupun permintaan Kementerian ini adalah beransur baik daripada masa-masa lepas dan pada masa akan datang apabila diluluskan, dikuatkuasakan Undang-undang Penyelarasan Perindustrian, mungkin kita akan menimbangkan keperluan menguntukkan supaya pihak-pihak yang mengeluarkan barang-barang yang dikeluarkan daripada

kilang yang diberi lesen di bawah Undang-undang ini dikehendak di dalam barang-barang yang tertentu supaya cap dagangan barang-barang itu di dalam Bahasa Malaysia.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 84 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.17 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi meminda Akta Polis, 1967 di baca bagi kali yang kedua.

Tujuan pindaan ini ialah untuk memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk menetapkan bayaran elaun bagi anggota Polis bantuan kerana tugas-tugas khas yang dijalankan oleh mereka. Keadaan yang ada sekarang tiap-tiap anggota Polis bantuan adalah berkhidmat secara sukarela dan tidak berhak menuntut kepada Kerajaan apa-apa elaun atas perkhidmatannya. Oleh yang demikian, adalah wajar pindaan dibuat kepada Akta Polis, 1967 bagi membolehkan pembayaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Rang Undang-undang bagi meminda Akta Polis 1967 yang dibentangkan di Dewan sekarang ini dibaca pada kali yang kedua.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.18 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sedikit mengenai Rang Undang-undang ini. Yang pertama, saya bangga dan amat bersetuju dengan Rang Undang-undang ini bagi membolehkan pihak yang berkenaan membayar bantuan yang tertentu kepada Polis-polis yang dipanggil dengan tugas-tugas khas. Sebab, pada pandangan saya sepatutnya peraturan ataupun Rang Undang-undang seperti ini sudah lama di bawa ke Parlimen ini dan semua kita mengetahui bahawa Polis-polis yang berkhidmat di dalam negara kita ini sedang di dalam keadaan kegelisahan yang begitu lama mengenai pembayaran-pembayaran elaun kepada mereka itu.

Dalam hal ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai tambahan-tambahan gaji, umpamanya perkara-perkara seperti pembayaran elaun ataupun menambahkan pendapatan anggota-anggota Polis. Saya suka menyatakan secara umum bahawa bagaimana kita semua mengetahui Angkatan Bersenjata yang ada di dalam negara kita ini termasuk Polis tidak mempunyai kesatuan untuk mendesak Kerajaan ataupun mendesak pihak yang berkuasa bagi menambahkan pendapatan mereka, baik gaji ataupun elaun sebagaimana yang dibentangkan pada hari ini. Saya berharap benar-benar kepada Kementerian yang berkenaan supaya menimbang dengan sehalus-halusnya permohonan ataupun rayuan-rayuan daripada pihak Polis kita yang mereka itu laungkan tidak melalui kesatuan. Dan peraturan yang dibuat di dalam negara kita ini pun tidak membenarkan atau mengizinkan pihak Polis menubuhkan kesatuan.

Jadi, kalau misalnya, Kerajaan negeri ini melayan tuntutan gaji guru-guru, tuntutan bagi gaji Kesatuan Sekerja dan sebagainya seperti mereka itu melaung-laungkan dan apabila Kerajaan tidak melayan tuntutan mereka itu, mereka boleh menganjurkan mogok. Mereka itu boleh menganjurkan bermacam-macam seperti kerja mengikut peraturan dan sebagainya, sebab mereka mempunyai kesatuan. Mereka boleh bersatu dan mereka boleh bermesyuarat menuntut hak-hak mereka. Kalau selama ini kita semua merasa kesihan belas kepada Perkhidmatan Polis kita bekerja lebih masa, bekerja penat, lebih-lebih lagi Polis kita sekarang ini dikerahkan bertungkus lumus untuk menjaga

keselamatan negara kita termasuk tugas operation di dalam hutan dan sebagainya. Tugasnya amat berat diletakkan kepada pihak polis. Berlainan dengan tugas asykar-asykar, misalnya. Polis bertugas menjaga keselamatan dan keadaan di dalam bandar dan juga dikerah untuk memburu pengganaspengganas kominis di dalam hutan dan di dalam bandar. Saya rasa amat sesuai benar pada masa sekarang ini dan saya rasa sudah terlewat benar Rang Undang-undang ini dibentangkan. Sebab kita selalu dengar apabila kita bercakap dengan anggota-anggota Polis, merayu kepada kita, bagaimana kami hendak buat, kami tidak mempunyai kesatuan. Kalau guru boleh menganjurkan mogok, kalau Kesatuan Sekerja boleh menganjurkan mogok, tetapi kami tidak mempunyai kesatuan. Hanya bergantung di atas kasihan belas pihak Kerajaan menimbang khidmat-khidmat tenaga mereka itu curahkan terhadap negara kita demi kepentingan keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Dan saya berharap benar-benar tuntutan mereka itu selain daripada yang dibentangkan ini seperti tuntutan kenaikan gaji yang selalu benar mendengar di dalam Dewan ini jawapan daripada Menteri-menteri kita bahawa perkara itu sedang dikaji, sedang disiasat. Dan tiap-tiap kali perkara ini timbul atau dibuat pertanyaan di dalam Dewan ini maka kita akan menerima jawapan daripada pihak yang berkenaan sedang dikaji dan sedang disiasat.

Saya rasa benda ini amat lama benar pihak yang berkenaan menunggu kajian-kajian ini. Dan saya berharap benar-benar supaya disegerakan kajian ini dengan segera agar kajian ini dapat pihak Kerajaan memberi pertolongan, memberikan bantuan menambahkan pendapatan mereka, moga-moga dengan ini lebih menambah lagi semangat anggota-anggota polis di dalam negara kita ini untuk bekerja dan lebih kuat lagi azam mereka itu untuk menghapuskan musuh-musuh negara baik di dalam hutan ataupun di dalam bandar.

5.25 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang)
Yang di-Pertua, saya turut menyokong Akta yang dinamakan Akta Polis (Pindaan) 1976 iaitu meminda Akta Polis, 1967 yang hendak memberi elaun kepada Polis Bantuan untuk tugas-tugasnya.

Sebagaimana yang kita dengar, Polis Bantuan ini tidak ada gaji dan tidak pernah diberi elaun. Semata-mata bekerja dengan sukarela sudah begitu lama. Dan sekarang barulah hendak ditimbangkan untuk memberi elaun kepada mereka atas tugas-tugas yang dibuatnya. Dengan adanya Akta ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan dan ini merupakan satu penghargaan atau satu nilai kepada tenaga yang diberikan selama ini oleh Pasukan Polis Bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar bahawa dengan keadaan negara yang sedang berkehendakkan tenaga Pasukan Polis Bantuan ini lebih banyak, dengan adanya rompak-merompak, dengan adanya gangster, dengan adanya ancaman kominis yang mana berkehendakkan tenaga mereka menjalankan rondaan untuk keselamatan, membuat roadblock ataupun kadang-kadang berjumpa dengan orang-orang yang menunjuk perasaan terhadap Kerajaan. Ini semua biasanya dipanggil Polis Bantuan untuk menjalankan tugas membantu Pasukan Polis biasa yang kita tahu tidak cukup tenaganya pada masa ini.

Sungguhpun mereka itu dinamakan Polis Bantuan, tetapi kita tahu tugas yang dijalankan oleh mereka hampir-hampir sama bahkan setengah-setengahnya lebih berat. Ada ketikanya mereka menghadapi masalah yang lebih berat untuk hendak menjaga keselamatan negara. Pada hal selama ini mereka tidak mendapat satu sen apa-apa bayaran pun. Ini menunjukkan bahawa satu nilai seperti yang saya katakan tadi satu penghargaan kepada mereka. Dan ini patutlah diberi pujian kepada Kementerian yang berkenaan yang sudah sedar bahawa Anggota Polis Bantuan itu selamanya manusia, dan manusia tidak selalunya boleh bekerja dengan sukarela, apatah lagi apabila ada satu tugas yang mengancam keselamatan jiwanya. Mereka juga berkehendakkan sedikit layanan ataupun elaun semasa mereka meninggalkan rumahtangga. Kadang-kadang kita tak tahu dalam masa mereka menjalankan tugas itu, mereka terkorban nyawanya. Mereka bersua dengan maut, barangkali mereka ditembak ataupun mereka dipukul ataupun mereka diancam dengan senjata oleh penjahat-penjahat yang berdepan

dengan mereka. Dan bila mereka balik daripada tugas-tugas hanya dengan sukarela, mereka tidak mendapat apa-apa bayaran. Jadi, dengan adanya Akta ini, adalah menjamin bahawa Pasukan Polis Bantuan tidak lagi dibiarkan bekerja dengan sukarela sahaja, tetapi diberi elaun atas tugas-tugas yang telah ditanggung ataupun yang telah dibuatnya.

Saya berseru kepada Menteri yang berkenaan dalam menimbangkan elaun ini hendaklah juga ditimbangkan dengan penuh simpati, kerana kalau sekiranya elaun ini hendak dibayar mengikut juga kelulusan ataupun akademik mereka, pelajaran tinggi mereka, tugas sebagai seorang pegawai, saya rasa mereka tidak mendapat berapa sen pun.

Tetapi hendaklah difikirkan iaitu mereka berhadapan dengan maut, mereka tidak mengira hujan dan panas, siang dan malam yang barangkali orang-orang lain tidak buat seperti itu, mereka keluar daripada rumah kerana satu tujuan, iaitu membantu negara—menyelamatkan negara dan untuk keamanan negara dan rakyat. Maka sudah sewajarnya bahawa elaun yang hendak dibayar kepada mereka itu tidak semata-mata bergantung kepada kelayakan ataupun pelajaran tingginya ataupun jawatannya, tetapi dipandang daripada segi pengorbanan yang diberi oleh mereka itu serupa dengan asykar biasa, serupa dengan polis biasa bahkan kadangkala mereka lebih lagi daripada itu. Dengan sebab itu, saya rasa sudahlah tepat dengan masanya Akta ini dikemukakan kepada Dewan ini dan sebab itu saya menyokong dengan sepenuhnya dan berharap pertimbangan yang sewajarnya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tatkala menimbangkan bayaran elaun kelak.

5.32 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Akta bagi meminda Akta Polis, 1967 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya menyatakan di sini bahawa pihak orang ramai adalah menyokong penuh tindakan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk membayar elaun kepada ahli-ahli Pasukan Polis Bantuan yang selama ini bekerja tanpa apa-apa bayaran. Dengan sokongan ini juga membuktikan bahawa orang ramai selama ini sangat menghargai khidmat

sukarela ahli-ahli ini yang tidak mengharap-kan sebarang hadiah atau wang atau apa-apa hadiah lain daripada pihak Kerajaan.

Elaun ini patut dibayar adalah disebabkan seperti yang saudara saya telah nyatakan tadi bahawa Pasukan Polis Sukarela ini kalau kita perhatikan dan kalau kita teliti adalah sama berat dengan anggota Polis biasa. Kadang-kadang Pasukan Polis Sukarela ini terpaksa berkhidmat daripada pagi hingga ke malam, apabila berlaku sesuatu kejadian, sesuatu tunjuk perasaan, sesuatu perayaan yang besar menyambut hari ulang tahun kemerdekaan dan sebagainya. Mereka ini bertugas, berkhidmat dengan tidak menghiraukan kebajikan keluarga sendiri. Mereka mengorbankan masa lapang mereka itu berkhidmat kepada masyarakat dan kepada negara. Jadi khidmat mereka itu patulah kita hargai dengan cara kita membayar elaun dan saya harap elaun yang akan dibayar itu patulah ditimbangkan supaya setimpal, seimbang dengan khidmat yang mereka berikan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah dengan adanya pembayaran elaun ini akan menggalakkan lebih ramai orang-orang memasuki Polis Bantuan atau Polis Sukarela ini. Dan dengan ramainya orang memasuki Polis Bantuan ini dengan sendirinya seruan pihak Polis supaya orang ramai membantu mereka menjawab dan dapatlah orang ramai menyertai Pasukan Polis Bantuan ini dan menambahkan bilangan orang ramai bekerja sama dengan sepenuhnya kepada Pasukan Polis, apatah lagi keadaan negara hari ini yang sedang diancam oleh berbagai-bagai kejadian jenayah. Dengan adanya penyertaan ini, maka lebih ramai orang akan masuk dalam Pasukan Polis Bantuan dan saya harap kegiatan jenayah ini dapat kita kurangkan dan kalau berlaku kejadian-kejadian jenayah seperti ini maka dengan mudah pihak Polis dapat menangkapnya, bertindak memburu pihak-pihak yang terlibat dalam kejadian itu.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Kementerian yang berkenaan akan menggalakkan lebih ramai belia menerusi persatuan-persatuan belia supaya memasuki Pasukan Polis Bantuan ini dengan kerjasama daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya apabila belia-belia kita asyik berkhidmat dalam Pasukan Polis Bantuan ini, masa luang

mereka itu dapat mereka memberi khidmat kepada masyarakat, tidaklah mereka terbawa-bawa dengan kegiatan-kegiatan yang kita selama ini tidak suka seperti kegiatan menyalahgunakan dadah, kegiatan samsing dan sebagainya. Jadi, dengan mereka ini memasuki Pasukan Polis Bantuan, dengan adanya dorongan pembayaran elaun dan sebagainya penuntut-penuntut kita atau belia-belia yang selama ini barangkali tidak tertarik dengan Pasukan Polis Bantuan ini akan tertarik dengan adanya bayaran elaun ini.

Satu lagi saya harap pihak Kementerian yang berkenaan akan memberi pertimbangan yang khas kepada ahli-ahli Pasukan Polis Bantuan ini apabila mereka memohon untuk menjadi anggota Polis biasa hendaklah diberi keutamaan kepada orang-orang ini, sebab mereka sudah menunjukkan bahawa mereka ini taat setia, jujur, sedia berkhidmat kepada negara walaupun mereka tidak dibayar elaun dan sebagainya. Jadi keutamaan patutlah diberikan kepada mereka apabila mereka itu membuat permohonan untuk menjadi anggota Polis atau hendak memegang apa-apa jawatan pegawai dalam Pasukan Polis, patut diberi keutamaan kepada anggota-anggota ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja hujah-hujah saya dan saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian dan saya harap calun ini akan diberi pertimbangan dan dibayar dengan seberapa segera yang boleh.

5.36 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama menyokong penuh suatu Akta bagi meminda Akta Polis, 1967. Suka saya bercakap sedikit bagi mengah-ah-alkan kedatangan Rang Undang-undang ini adalah kena dan tepat pada masanya di mana negara sangat berkehendakkan tugas dan tanggungjawab yang penting dari ahli-ahli Pasukan Polis Bantuan sama-sama berganding bahu dengan ahli-ahli Pasukan Keselamatan yang lain bagi menegakkan keadilan undang-undang serta keselamatan rakyat dan negara yang sedang membangun pesat di samping memperkuat lagi perpaduan di antara rakyat berbilang kaum yang telahpun wujud begitu lama di seluruh negeri di dalam Malaysia.

Bagi kami rakyat yang duduk di Negeri Sarawak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana segala tugas Polis atau yang di bawah tanggungjawabnya adalah berjalan dengan begitu licin serta baik bagi mengawal keselamatan kami daripada diganggu oleh anasir-anasir jahat yang sentiasa mencari peluang dan mencari jalan untuk menyesatkan rakyat lebih-lebih lagi di kalangan muda mudi kejurang perpecahan antara kaum dengan berbagai helah dan tipu muslihat yang kotor termasuk dadah sebagai satu cara yang boleh merusakkan dan merugikan negara.

Kita bersyukur atas kebijaksanaan pimpinan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab perkara seperti itu dapat dikawal dengan baik, cuma segelintir sahaja yang menjadi mangsa atau dapat dipengaruhi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kepada keselamatan negara yang berdaulat dan merdeka ini. Sekarang bagi kami rakyat Negeri Sarawak walaupun kehidupan di luar bandar miskin keutamanya bumiputra tidak boleh dan tidak dapat dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat atau kominis. Bahkan kami sanggup dan sedia berjuang sama dengan ahli-ahli Pasukan Polis dan Keselamatan menentang musuh negara bagi menjamin kemerdekaan dan perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kesedaran Kerajaan pada hari ini untuk membayar elaun kepada ahli-ahli tertentu Polis Bantuan kerana tugas-tugas khas yang dijalankan oleh mereka adalah satu perkara yang menasabah dan patut. Ingin juga saya mengesyorkan supaya ahli-ahli RELA yang bertugas demi keselamatan negara harus diberi perhatian tentang elaun masa bertugas. Di samping bayaran-bayaran elaun seperti maksud Rang Undang-undang ini, maka satu jaminan istimewa juga bagi membayar pencen atau sebagainya kepada ahli-ahli Polis Bantuan atau RELA yang membantu Polis tempatan jika sekiranya satu-satu perkara yang tidak diingini berlaku mahupun untuk kepentingan mereka itu sendiri jika anggotanya cacat atau untuk keluarga dan anak-anak mereka yang terlibat itu. Bagi menjamin kehidupan mereka dan menambahkan lagi semangat yang sedia ada itu di kalangan ahli-ahli Polis Bantuan ataupun di kalangan ahli-ahli keselamatan yang lain yang sanggup berkorban demi kepentingan bangsa dan negara

seluruhnya. Begitu juga Ahli-ahli Polis dan Malaysian Rangers dari Negeri Sarawak yang bertugas di Semenanjung ini harus diberi satu elaun istimewa mengikut kemampuan Kerajaan sama seperti Pasukan Keselamatan dari Semenanjung yang bertugas di Sarawak supaya Ahli-ahli Pasukan Keselamatan negara ini sama taraf dan sama tanggungjawabnya.

5.42 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang ini yang bertujuan membolehkan atau memberi kuasa kepada Menteri membayar elaun kepada Polis Tambahan di dalam menjalankan tugas-tugas yang tertentu yang dikhaskan.

Saya suka di dalam Dewan yang mulia ini menyampaikan rasa setinggi-tinggi terima kasih kepada anggota-anggota Polis Tambahan ini khususnya di seluruh negara yang selama ini telah memberi khidmat tambahan mereka, khidmat bantuan mereka kepada perkhidmatan Polis biasa dengan cara suka-rela walaupun sebelum daripada ini tidak ada peraturan-peraturan yang membolehkan pihak Kerajaan membayar elaun kepada mereka. Sesungguhnya perkhidmatan yang mereka berikan ini adalah besar ertinya dan kesannya terhadap negara dan ini patutlah diberi penghargaan daripada semua pihak. Dengan adanya peraturan baru ini, dengan adanya Akta (Pindaan) ini membolehkan ahli-ahli Polis Tambahan ini yang ditugaskan berkhidmat di dalam keadaan-keadaan yang khusus dibayar elaun di atas perkhidmatan mereka dan juga barangkali menjamin hak-hak bayaran atau yang patut mereka peroleh jika berlaku sebarang kemalangan ke atas diri anggota-anggota Polis Tambahan ini di dalam masa menjalankan tugas seperti mana juga yang diperolehi oleh anggota-anggota Polis biasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil peluang di sini saya suka menimbulkan atau mengemukakan beberapa cadangan untuk perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atau pihak Kementerian yang berkenaan. Yang pertama, saya suka mengesyorkan supaya perkhidmatan Polis Tambahan ini diperluaskan ke luar bandar kepada perkhidmatan Polis kampung atau pondok-pondok Polis yang ada di kampung-kampung di merata tempat sekarang ini iaitu

supaya dari tiap-tiap kampung yang biasanya mempunyai seorang sahaja anggota Polis di satu-satu kampung yang terpencil itu diadakan anggota-anggota Polis Tambahan untuk membantu mereka di dalam keadaan-keadaan yang khusus di kampung itu seperti sistem Deputy Sheriff yang ada ditunjukkan di dalam filem-filem cowboy. Tuan Yang di-Pertua, kadang-kala terjadi satu kejadian yang tidak diingini di satu-satu kampung yang terpencil di mana ada seorang sahaja anggota Polis biasa yang bertugas di situ dan barangkali Polis biasa ini sukar mendapat bantuan yang serta-merta daripada cawangan-cawangan Polis biasa yang lain pada masa itu mungkin tenaga Polis Tambahan dikehendaki untuk membantu di dalam tugas-tugas yang terdesak dan serta-merta seumpama itu. Dengan cara melantik satu dua orang Polis Tambahan bagi tiap-tiap satu Polis kampung di kampung-kampung yang terpencil ini barangkali menjamin perkhidmatan Polis di luar bandar itu dengan lebih cekap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak mengesyorkan di sini ialah supaya penghargaan kepada anggota-anggota Polis biasa ini diberi oleh semua pihak, bukan sahaja oleh pihak Jabatan Polis dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini sahaja. Umpamanya, sekarang ini terdapat anggota-anggota sukarela yang berkhidmat sebagai anggota Polis Tambahan yang terdiri daripada kakitangan jabatan-jabatan lain di dalam negara kita ini, umpamanya, ada buruh Majlis Bandaran, ada kerani, ada guru dan sebagainya. Sepatutnya Ketua-ketua Jabatan yang lain memberi penghargaan manakala jika sekiranya ada pertimbangan kenaikan pangkat dan sebagainya khidmat-khidmat anggota ini di dalam Pasukan Polis Tambahan ini juga patut diberi perhitungan. Saya menimbulkan perkara ini kerana kadang-kala setahu saya ada juga terdapat Ketua-ketua Pejabat barangkali memandang serong sedikit kepada pekerja-pekerja di bawahnya yang berkhidmat sebagai anggota Polis Tambahan dan juga sebagai Asykar Wataniah umpamanya, kerana barangkali adalah masa-masa kerja yang tertinggal satu dua jam dalam masa seminggu untuk membolehkan mereka ini menghadiri latihan-latihan tertentu. Jadi tidaklah sepatutnya mengikut pandangan saya perkara seumpama ini berlaku kerana walaupun anggota-anggota Polis biasa ini terpaksa meninggalkan kerja

biasa di pejabatnya satu dua jam di dalam masa seminggu untuk memberi khidmat atau untuk menjalani latihan bagi membolehkan mereka berkhidmat sebagai seorang anggota Polis Tambahan ini, inipun satu perkhidmatan yang patut mendapat penghargaan. Begitu juga ada kadang-kala terdapat terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar anggota-anggota Polis Tambahan ini yang tidak mempunyai pekerjaan langsung iaitu terdiri daripada pengangkur-pengangkur biasa ini juga patut mendapat perhatian. Semua pihak patutlah memberi sokongan sekiranya ada ahli-ahli seumpama ini yang memohon pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dan setaraf dengan kebolehan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya suka mengemukakan satu syor lagi supaya pihak Kerajaan memikirkan kemungkinan menjalankan tugas tambahan sepertimana yang dijalankan kepada anggota Polis Tambahan ini juga diadakan kepada Kedet Polis di sekolah-sekolah. Maksud saya supaya anggota-anggota Kedet Polis yang ada di sekolah-sekolah sekarang ini yang diberi latihan-latihan yang sepatutnya juga diberi tugas-tugas yang dilindungi oleh Undang-undang seperti juga diberi kepada anggota Polis Tambahan ini di dalam keadaan-keadaan tertentu, barangkali terhad, boleh kita hadkan kepada mengawal keadaan yang bersangkutan dengan persekolahan. Umpamanya, mungkin di asrama setengah-setengah sekolah menengah ada terdapat kegiatan-kegiatan pengedaran dadah di dalam sekolah yang anggota-anggota Polis biasa barangkali tidak begitu manis untuk masuk ke dalam asrama-asrama sekolah setiap masa, maka anggota-anggota Kedet Polis di sekolah-sekolah itu sendiri boleh diberi kuasa untuk mengambil tindakan atau menangkap atau diberi kuasa undang-undang yang sepatutnya. Begitu juga kita telah dengar sekarang ini ada di setengah-setengah sekolah-sekolah menengah umpamanya, terutama sekali yang berlaku kegiatan-kegiatan seperti yang saya sebutkan tadi, selain daripada kegiatan-kegiatan penyalahgunaan dadah ada juga kegiatan-kegiatan lain seperti ada komplot-komplot ponteng sekolah umpamanya. Ada komplot-komplot seperti ini di asrama-asrama di sekolah-sekolah di luar bandar, ada juga kumpulan-kumpulan yang nakal barangkali malam-malam keluar mencuri seekor dua ayam untuk dibuat mee atau nasi ayam atau ada

juga saya dengar setengah-setengah tempat penuntut-penuntut yang mendiami asrama di sekolah-sekolah menengah luar bandar yang keluar merayau mengintai di waktu malam di rumah-rumah kampung yang berhampiran. Inipun suatu kegiatan yang barangkali dianggap oleh anak-anak kita sebagai kegiatan untuk bergembira dan bersuka semata-mata, tetapi akibatnya akan menuju ke arah yang lebih bahaya kepada keadaan masyarakat kita. Maka di sini kita berkehendakkan kawalan yang rapi. Di tempat saya sendiri di perjumpaan-perjumpaan di luar bandar pernah ada disyorkan supaya pihak Polis Biasa diberi kuasa menangkap murid-murid yang ponteng sekolah kerana terdapat perbuatan ponteng sekolah hari ini, terutama sekali di luar bandar setahu saya ada berlaku dengan cara besar-besaran, ada kumpulan-kumpulan tertentu empat lima orang barangkali satu kumpulan yang meninggalkan rumah

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat terkeluar sedikit daripada Rang Undang-undang. Rang Undang-undang ini hanya berkehendakkan yang jelas di dalam huraian sahaja. Jadi kalau dapat dipendekkan sedikit tentang hal yang di luar tadi.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya tadi saya mencadangkan supaya Kadet-kadet Polis di sekolah juga diberi elau di bawah peruntukan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu tidak mengapa, boleh.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Ditimbangan kemudian supaya menjalankan tugas-tugas polis di dalam kegiatan di sekolah-sekolah seperti mengawal kegiatan penyalahgunaan dadah dan kegiatan-kegiatan yang lain yang dilakukan oleh murid-murid sekolah sendiri. Saya rasa perkara ini patut dipertimbangkan kalau ianya barangkali dengan Akta (Pindaan) ini masih belum lagi meliputi perkhidmatan Polis Kadet di sekolah-sekolah maka boleh dipertimbangkan pada masa yang akan datang.

Sekian sahaja dan akhir sekali sebagai mana yang saya kata tadi saya merasa patutlah pihak masyarakat kita memberi penghargaan yang sepatutnya dan memberi terima

kasih yang setinggi-tinggi kepada anggota-anggota polis tambahan yang selama ini telah memberi khidmat mereka dengan secara sukarela. Sekarang ini sahaja hanya baru barangkali ada peruntukan di bawah Rang Undang-undang yang baru membolehkan mereka dibayar elaun yang sepatutnya.

5.53 ptg.

Tuan Shaari bin Jusof (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya berpendapat Timbalan Menteri yang berkenaan telah membuat satu pahala pada hari ini kerana Rang Undang-undang ini amatlah baik dan amat berpatutan. Sebab saya katakan demikian izinkanlah saya mengatakan dengan terus terang. Hari ini kita biasa mendengar orang telah mengatakan biarpun Polis Biasa atau Polis Bantuan sehingga 50 sen pun kata orang Polis Biasa atau Polis Bantuan ini sanggup mengambil wang. Manusia hendak makan. Biasa dikata dalam satu hadith kalau tidak silap saya, saya agak Tuan Yang di-Pertua, pun tahu. Bila seseorang itu fikir dia boleh jadi kafir. Bila tidak ada wang apa pun dia sanggup buat. Jadi kita menghendaki mereka ini menjalankan tugas, tentang elaun bantuan kepada mereka kita tidak beri. Ini satu dosa besar. Jadi hari inilah adalah satu sejarah dengan adanya Rang Undang-undang ini membawa pahala balik sebab, itulah saya kata Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah membuat satu pahala yang besar pada hari ini selain daripada Rang Undang-undang yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan negara kita yang boleh dikatakan banyak anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab baikpun di luar negeri sebagaimana kita menyediakan segala-galanya seperti asykar bagi pertahanan, begitu juga dalam negeri perompakan dan sebagainya yang kita tahu pegawai keamanan ataupun polis ini iaitu Polis Biasa atau Polis Bantuan untuk mempertahankan dan menjaga segala ancaman yang berlaku dalam tanahair kita. Jadi, saya dapat tahu dan saya yakin Pasukan Keselamatan kita tidak cukup pada hari ini. Ini salah satu sebab mengapa selalu berlaku samun, merompak baik dalam bank, di tengah jalan tahan motosikal dan tawan motosikal. Semuanya ini berlaku baik pun

dalam bandar atau di luar bandar boleh dikatakan tiap-tiap hari perkara ini berlaku. Dengan sebab itu, perkara keselamatan di atas Polis samada Polis Bantuan amatlah mustahak kita mengambil berat samada diberi bantuan atau elaun kepada mereka bahkan menambahkan mereka lagi sebagaimana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam segi asykar selain daripada asykar biasa kita ada asykar tambahan ataupun saya kata asykar wataniah yang diadakan kawat empat kali sebulan dan diberi elaun kalau tidak silap saya \$29.20. Asykar tambahan ataupun asykar wataniah ini kalau ada satu-satu perkara berlaku, maka asykar-asykar yang berkenaan boleh diambil menjalankan tugas sepertimana asykar biasa untuk menolong asykar pertahanan. Saya berharap juga kepada polis-polis ini mengambil Polis Bantuan dengan begitu banyak sebagaimana mengambil asykar wataniah tadi biarlah dalam satu kampung itu bukan tiga atau empat orang, bahkan kalau ada syarat katakan umur dari 18 hingga 35 ataupun 40 tahun yang sanggup menjadi Polis Bantuan asal mereka dilatih bagaimana asykar wataniah tadi dilatih. Pendek kata, kalau ada perkara-perkara yang perlu di satu-satu tempat untuk kita ambil mereka ini menjalankan tugas bersama dengan Polis boleh kita jalankan sebab mereka juga telah ada latihan. Kalau sekadar hendak ambil, latihan tidak diberi, cara menggunakan senapang dan pistol tidak tahu, ini lagi teruk. Latihan itu satu perkara yang perlu. Saya berharap sangat kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebagai satu contoh saya kata tadi dalam asykar wataniah diambil asykar wataniah sebagai satu asykar sewaktu kecemasan dan boleh menjalankan tugas sebagai asykar biasa juga patutlah mengambil Polis Bantuan sebagaimana saya katakan tadi, selain daripada Rang Undang-undang ini akan memberi bantuan kepada Polis-polis yang selama ini kita tidak pernah memberi peruntukan. Kita telah membuat dosa besar kepada negara. Hari ini terlepaslah satu dosa itu dan kita berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini keamanan negara kita akan bertambah baik.

5.58 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh

Akta yang dinamakan Akta Polis (Pindaan) 1976 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, apabila telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya satu peruntukan akan diberi kepada Polis Bantuan ertinya pada masa ini Polis Bantuan tidak diberi peruntukan sepertimana cadangan yang telah dibuat. Apabila sudah diadakan cadangan tentulah berapa banyak peruntukan itu akan diberi kepada Polis Bantuan pada tiap-tiap tahun dan daripada berapa banyak peruntukan yang akan diberi tentulah dapat menentukan berapa ramai Polis Bantuan yang ada di dalam negara kita. Jadi, saya berharap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan jika bersetuju terangkan berapa ramai Polis Bantuan yang ada di negara kita ini. Jika dianggap Polis Bantuan ini tidak begitu ramai sudah sepatutnya Kerajaan mengambil perhatian menambah bilangan mereka.

Pada masa ini dan pada masa yang telah lalu saya mengambil peluang di Dewan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri khasnya kepada Polis Bantuan yang sudah menyertai Polis di negara kita dan sebahagian daripada tenaga Polis yang ada di negara kita ini ialah daripada mereka yang telah menjadi Polis Bantuan yang terdiri daripada berbagai-bagai golongan rakyat dan dengan kecekapan yang ada di dalam negara ini khasnya di dalam bahagian Polis telah menunjukkan bagaimana keamanan yang telah dapat dikawal Polis tidak seramai sepertimana yang sepatutnya yang biasa disebut-sebut oleh Yang Berhormat Menteri supaya tambahan seramai 20,000 orang lagi patut dilaksanakan dengan seberapa segera. Ertinya di dalam pimpinan dan di dalam latihan yang ada kepada Polis ini didapati kita tidak biasa dengar bahawa Polis-polis Bantuan ini telah membuat beberapa perkara melanggar Undang-undang negara dan kita dapati mungkin ada di antara mereka ini dengan latihan daripada pihak Kerajaan telah lahir daripada mereka beberapa orang Kojek seperti tayangan gambar dalam TV.

Tuan Yang di-Pertua, saya menumpukan perhatian kepada kemajuan, kepada kekuatan Polis yang berada di luar bandar. Saya suka memberi satu contoh. Tuan Yang di-

Pertua. Di dalam negeri Perak di kawasan Parlimen, Matang. Di kawasan ini ada sebanyak 6 Balai Polis. Enam Balai Polis mengandungi 40 anggota Polis yang mereka ini terpaksa mengawal siang-malam, penduduknya mengandungi hampir 100,000 orang terdiri daripada berbagai bangsa, berbagai pekerjaan mereka bahkan di kawasan Matang ini telah dikenali kawasan ada sekumpulan penjahat "Raja Laut." Sungguhpun di dalam negara kita ini adanya Raja Laut, kumpulan yang berada di kawasan Matang sahaja, tetapi anggota Polis hanya ada 40 orang untuk menjaga rakyat yang begitu ramai dengan hanya ada 6 Balai Polis. Polis Bantuan sudah ada di negara kita semenjak beberapa lama, tetapi Kerajaan menumpukan mereka ini duduk di dalam bandar bagi membantu Polis di dalam bandar-bandar khasnya, terutama sekali pada hari-hari perayaan dan pada sebelah malam. Pada pendapat saya Polis Bantuan ini sepatutnya mereka ini diberi peluang membantu Polis-polis yang berada di Balai Polis di luar bandar sepertimana yang saya katakan tadi, misalnya yang saya sebutkan tadi di kawasan Matang yang tiap-tiap Balai Polis hanya ada 7-8 orang sahaja.

Daripada 6 Balai Polis yang saya maksudkan ini ada 2 Balai Polis yanguduknya di jalanraya di antara Kuala Lumpur ke Pulau Pinang dan kedua-dua ini menjaga 4 simpang jalanraya. Ertinya apabila di sebut jalanraya terbayanglah kepada kita biasa terjadi kemalangan jalanraya. Kalau ada 4 jalanraya terjadi 4 kemalangan pada satu masa, dan seorang Polis terpaksa pergi kepada satu tempat, sudah ada 4 orang Polis dan tinggal 4 orang lagi Polis dan kadang-kadang membuat kerja yang lain, tentu tidak mencukupi. Bukan sahaja bahagian kemalangan, biasa di luar bandar, ada perayaan dan sebagainya dan di antara Polis ini juga seperti manusia lain, ada yang sakit, bercuti dan sebagainya. Oleh sebab itu kekuatan yang ada di Balai-balai Polis ini, pada pendapat saya, tidak mencukupi di dalam keadaan sekarang dan eloklah Kementerian yang berkenaan ini melatihkan ataupun menggalakkan rakyat di negara ini dan mereka ini diambil menjadi Polis Bantuan memberi bantuan tiap-tiap Balai Polis yang berada di luar bandar yang terdiri daripada mereka daripada tempatan yang dilatih dan sebagainya untuk memberi bantuan kepada Polis-polis yang ada.

Kalau Kerajaan sedar yang selama ini Polis kita tidak mencukupi, yang selama ini kita patut melaksanakan dengan segera supaya kekuatan Polis di negara mencukupi dengan keperluan negara. Sebelum kita memberi latihan dan sebelum rancangan kita dapat dijalankan, saya percaya dengan dilatih Polis Bantuan inilah dahulu supaya keadaan ini dapat pada masa sekarang di-kawal, dapat ditambah sehingga keperluan Polis sudah dilatih dan dapat dikeluarkan dengan seberapa ramai yang dimaksudkan. Kalau peruntukan yang diminta ini diluluskan kelak, saya percaya tidak ada menjadi masalah lagi. Jika hendak diambil ramai lagi pelatih-pelatih daripada Polis Bantuan yang terdiri daripada rakyat tempatan untuk membantu Balai Polis mereka bahkan bukan itu sahaja yang mereka mesti buat ertinya sebagai rakyat mereka juga bertanggung-jawab kepada keselamatan kawasan masing-masing tentulah perasaan yang lebih kuat lagi untuk menjaga keselamatan negara.

Tambahan pula pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat telah menyambut seruan Kerajaan menjadi ahli RELA, ramai rakyat telah menyambut seruan menjadi ahli Rukun Tetangga. Saya percaya tentu begitu mudah yang mereka ini pula ramai akan menyambut seruan Kerajaan untuk menjadi Polis Bantuan. Daripada Rukun Tetangga pun kita nampak bagaimana hasrat rakyat hendak menjaga keamanan. Daripada RELA, Rukun Tetangga ini kita nampak walaupun mereka ini tidak diberi senjata tambahan pula Polis Bantuan ini diberi pakaian lengkap, cara pengajaran undang-undang, diberi pula senjata, diberi pula kuasa sebagai polis, duduk dalam Balai Polis pula. Saya percaya rakyat yang terdiri daripada belia mudah sahaja ingin memasuki di dalam lapangan ini dan ingin pula menjalankan tugas mereka tambahan pula peruntukan yang telah diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini akan diluluskan dan saya percaya tentulah peruntukan yang akan diluluskan ini sudah ditentukan oleh pihak Kementerian yang berkenaan berapa banyak yang hendak diberi mengikut waktu-waktu, mengikut nilai pekerjaan masing-masing.

Selain daripada itu, kalau difikirkan sungutan yang ada pada polis ini, pendapatan mereka rendah ertinya Kerajaan sedang mempertimbangkan supaya pendapatan mereka ini diberi tinggi daripada

yang ada. Ini bermakna apabila sahaja diberi bantuan kepada Polis bantuan ianya hendaklah diselaraskan dengan kehendak-kehendak ataupun dengan keperluan supaya disamakan dengan Pasukan Polis yang sudah sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Balai-balai Polis ini diberi ataupun dilatih ataupun diambil daripada rakyat untuk menjadi Polis bantuan, kita patut ingat bahawa di dalam bandar pada hari ini selain daripada tenaga Polis lelaki, tenaga Polis wanita juga tidak kurang dan mereka ini sudah memberi bantuan kepada keselamatan khususnya di dalam bandar. Sehingga saat ini Balai-balai Polis di luar bandar payah kita nampak ada Polis wanita. Ini tentulah kerana Kerajaan belum ada kemudahan lagi hendak melatih wanita menjadi Polis dan supaya mereka ini dapat ditempatkan di Balai-balai Polis yang disebut Balai-balai Polis di luar bandar. Dengan rancangan Polis bantuan ini, saya berharap kepada yang berhormat Timbalan Menteri yang mempunyai pandangan yang cukup cekap dalam bahagian pentadbiran, keselamatan dalam negeri ini khususnya di dalam lapangan Polis, terutama sekali kecekapan Polis Wanita supaya dapat melatih pula wanita-wanita di luar bandar untuk menjadi Polis bantuan dan mereka ini tidaklah patut kalau mereka dilatihkan, kita menghantar jauh daripada luar bandar untuk mereka mengawal dalam bandar tentu mengambil masa perjalanan, susah pada mereka.

Untuk menyesuaikan ini mereka ini patut ditempatkan di Balai-balai Polis yang berhampiran dengan mereka. Apabila mereka sudah ada kecekapan yang cukup, jika mereka hendak dibawa ke dalam bandar se-pertimana yang ada sekarang, saya percaya tidak menjadi masalah kepada pihak Kerajaan kerana apabila mereka mempunyai kecekapan, kebolehan dan sebagainya mereka tentu mampu bukan sahaja sanggup bekerja di dalam kawasan masing-masing, mereka juga sanggup bekerja menjalankan tugas untuk keselamatan negara di dalam kawasan-kawasan yang ramai khususnya di dalam bandar.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada patut kita menambah Polis berada di dalam Balai-balai Polis di samping itu pula Polis bantuan wanita ini patut mengambil perhatian juga kepada Kerajaan, Kerajaan jangan lupa, Yang Berhormat Timbalan

Menteri jangan lupa di dalam negara kita pun kita sedia maklum ada berbagai-bagai golongan kaum. Oleh sebab itu, di dalam memberi bantuan ataupun mengambil Polis bantuan ini patutlah diselaraskan dengan kehendak di kawasan masing-masing. Kalau di kawasan ini terdiri dari kaum "A" misalnya biarlah mereka terdiri daripada Polis bantuan daripada kaum "A" supaya mereka dapat memahami keadaan yang sebenarnya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya percaya tentu ada rancangan hendak melatih mereka. Di samping memberi satu latihan yang biasa kita terdapat latihan yang telah diberi kepada Polis-polis bantuan yang telah lalu. Yang Berhormat Timbalan Menteri patut mengambil perhatian di dalam keadaan sekarang mungkin cara memberi latihan kepada mereka ini patut dilebihkan. Tentu kita tidak biasa dengar ada Polis tidak pandai menembak dan saya percaya keseluruhan Polis, baik Polis Bantuan mahupun Polis biasa semua pandai menembak, pandai menuju sasaran, tetapi polis juga terdiri daripada mereka yang berumur antara 20 hingga 55 tahun. Yang kita bimbangkan jika mereka ini terdiri daripada yang umur di antara 40 hingga 55 tahun, ini sudah lewat umur mereka. Oleh sebab itu, pada masa latihan diberi eloklah kita mengambil perhatian supaya dapat diberi latihan yang sebaik-baiknya, sebelum mereka dapat menjalankan tugas menjaga keselamatan rakyat dan negara biarlah mereka dapat mengawal diri mereka terlebih dahulu, baikpun ia Polis bantuan, kerana jika tidak ada kecekapan menjaga diri masing-masing tentulah tidak ada kemampuan untuk menjaga rakyat di sekelilingnya pula. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak membuat alasan mengatakan memberi latihan yang pendek atau memberi latihan yang sedikit-pun cukup kepada Polis Bantuan tetapi daripada segi menjalankan tugas sama sahaja. Oleh sebab itu, Polis Bantuan yang ada cara yang sama ini patut diikhtirakan supaya mereka ini benar-benar percaya bahawa mereka bukan sahaja boleh menjaga diri sendiri, bahkan sanggup menjaga rakyat di sekeliling mereka. Yang saya bimbang kalau Polis Bantuan ini terasa yang mereka ini Polis kelas dua sahaja dan apabila mereka merasa Polis kelas dua mereka mungkin duduk di belakang Polis biasa. Jadi perasaan ini sepatutnya tidak ada kepada mereka. Oleh sebab itu, apabila mereka

mempunyai perasaan ini tentulah kesanggupan seperti yang saya katakan tadi akan ada kepada mereka dan dengan sebab itu sia-sialah kita ada Polis Bantuan yang tidak cukup pelajaran ataupun cukup kecekapan untuk menjaga dirinya dan rakyat di sekelilingnya. Saya percaya apabila perlaksanaan ini dapat dilaksanakan khasnya negara kita dalam keadaan yang sekarang ini mudah-mudahan keadaan kawalan yang ada pada masa ini tentulah bertambah baik. Selain daripada Polis biasa kita dapati Polis Bantuan di dalam bandar pun pada masa sekarang ada diberi bantuan Polis-polis Hutan. Saya percaya bila ada rancangan Polis Bantuan ini dibesarkan lagi mungkin Polis Hutan akan dapat menjalankan tugas-tugasnya seperti pada masa yang lalu.

6.16 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Akta Polis (Pindaan) 1976 dan diharapkan bahawa dengan adanya Undang-undang ini dan peruntukan elauin diberi kepada Polis-polis bantuan, maka ini akan menjadi satu daya penarik kepada mereka untuk bertugas bersama-sama dengan anggota polis biasa. Dalam hal ini, mustahak sangatlah yang mereka diberi latihan yang sempurna, kalau tidak setaraf dengan polis biasa pun sekurangnya-kurangnya memberi latihan yang sempurna supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan sempurna.

Dalam perkara latihan mungkin masala-masalah akan timbul kerana banyak di antara mereka ialah terdiri daripada kakitangan-kakitangan Kerajaan dan mengikut pengalaman apabila latihan ini diperlukan dan apabila mereka ini dikehendaki menghadiri latihan, kadang-kala Ketua-ketua Jabatan keberatan untuk memberi mereka hadir dalam latihan-latihan. Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ketua-ketua Jabatan lain-lain mestilah memberi kerjasama supaya mereka ini dapat menjalani dan menghadiri latihan-latihan yang akan diaturkan kelak.

Satu perkara juga yang saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan ialah supaya mereka ini iaitu Polis-polis Bantuan apabila dikehendaki bertugas ataupun diaftarkan sebagai Polis Bantuan mestilah ada tapisan yang ketat, kerana saya bimbang mungkin kesempatan ini akan diambil oleh

anasir-anasir untuk meresap masuk dan menjalankan kegiatan yang tidak diinginkan. Inilah satu perkara yang saya minta Menteri yang berkenaan ambil perhatian kerana anasir-anasir sekarang bukan macam dahulu, mereka sekarang pandai dan cerdek. Kalau kita tidak awasi mungkin tujuan yang asal tidak dapat tercapai.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana membentangkan Rang Undang-undang ini kerana dengan adanya Rang Undang-undang ini mungkin bebanan yang dipertugaskan kepada Pasukan Polis akan dapat dikurangkan, kerana sekarang kita dapati Polis-polis biasa dikehendaki bertugas di temasya sukan, olahraga, perarakan samada Maulud, Chingay dan sebagainya. Dan juga macam sekarang boleh dikatakan merata di seluruh Semenanjung Malaysia mesyuarat perwakilan UMNO diadakan dan apabila mesyuarat ini dikehendaki dirasmikan oleh Menteri atau Timbalan Menteri kerap kali kita dapati anggota-anggota polis biasa ada di situ untuk mengawal keselamatan Menteri-menteri dan Timbalan Menteri yang berkenaan. Dengan adanya undang-undang ini dapatlah Polis biasa iaitu general duties dapat menjalankan tugas mereka yang asal untuk mengesan penjenayah-penjenayah, mengesan mereka yang anti-nasional dan sebagainya. Mungkin tugas-tugas mereka yang dijalankan sekarang akan dikurangkan, kerana seperti sekarang di mana-mana kita pergi kalau ada orang ramai, adalah Polis biasa, samada pestaria atau funfair dan sebagainya mesti ada anggota Polis. Dan kalau Polis Bantuan diberi elaun mungkin ini ialah satu daya penarik kepada mereka dan ini akan mengurangkan tugas-tugas Polis biasa, juga dengan adanya perkara semacam ini dapatlah Polis-polis biasa ini menjalankan tugas mereka dengan cemerlang, lebih cemerlang daripada yang dijalankan sekarang.

Selain daripada itu elok juga pada fikiran saya Kementerian yang berkenaan selain daripada memberi elaun patut juga diberi pujian apabila tugas-tugas itu dijalankan dengan cemerlangnya. Bukan sahaja kepada Polis bantuan, tetapi juga kepada Polis biasa diberi bantuan dari segi kewangan, bukan sahaja diberi surat pujian, tetapi hendaklah disertai dengan wang kerana pada masa sekarang ada wang, semua orang suka. Kalau setakat memberi pujian sahaja mungkin ini

boleh dipaparkan dalam bilik sahaja. Dan dengan itu saya dengan sukacita menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini.

6.23 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Polis (Pindaan) yang baru sebentar tadi dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya sentuh tentang Rang Undang-undang ini, ialah oleh kerana memandangkan tugas-tugas yang dijalankan oleh Polis bantuan ini adalah sama berat dengan tugas-tugas yang dibuat oleh Polis biasa yang lain, maka adalah diharapkan agar Kerajaan dapat menambah elaun ataupun bayaran kepada mereka yang terima setakat ini ialah 40 sen satu jam untuk mata-mata, 50 sen satu jam untuk pegawai tak bertaiah dan 65 sen satu jam untuk inspector ke atas kepada bayaran yang lebih memuaskan. Seperkara lagi ialah tentang elaun basikal yang dahulu mereka dapat \$10 tetapi sekarang telah ditarik balik. Kerajaan hendaklah menimbang untuk membayarnya semula atau dilebihkan lagi jumlahnya.

Akhir sekali ialah mengenai bayaran tahunan untuk Polis ini sekarang mereka hanya menerima \$60 sahaja dan saya harap Kerajaan akan dapat menambahkan lagi jumlah tersebut. Lagi pun mereka hanya dihadkan bertugas di dalam satu-satu bulan itu hanyalah 16 hingga 24 jam sahaja. Dengan menambahkan lagi jumlah elaun tersebut akan memberikan galakkan kepada orang-orang lain untuk menyertai Pasukan Polis Bantuan Tambahan.

6.25 ptg.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih atas teguran-teguran dan syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya tidaklah bercadang hendak menjawab satu persatu hujjah-hujjah yang dikemukakan, tetapi memanglah tujuan kita hendak menggalakkan orang ramai menyertai Polis bantuan ini dan dengan adanya elaun yang demikian maka dapatlah menolong sedikit sebanyak seperti Yang Berhormat sedia maklum melegakan sedikit tugas-tugas Polis biasa.

Apa yang suka saya hendak sebutkan di sini barangkali ada kekeliruan sedikit berhubung dengan soal Polis bantuan ini dengan Polis biasa. Ada yang telah menyebutkan soal gaji Polis yang saya tidak hendak cadang sebutkan kerana telah banyak disebutkan dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya yang kita minta pada hari ini semata-mata khas kepada Polis Bantuan dan Polis Bantuan ini ialah mereka yang tidak ada majikan di seluruh tanah air kita hari ini kita ada lebih kurang 2,000 orang Polis Bantuan yang ada majikan.

Problem yang ada pada hari ini ialah mereka yang tidak ada majikan yang kita minta bertugas untuk satu-satu kerja. Misalnya, kita berkehendakkan menjaga Tugu Peringatan Negara. Jadi kita berkehendakkan personnel yang kita beri kuasa (A.P.) Auxiliary Police dan kuasa itu serupalah dengan kuasa Polis biasa, tetapi mengikut keadaan hari ini Kerajaan tidak boleh memberi elaun itu dan bukan masalah gaji. Apa yang ditumpukan dan yang menjadi lebih penting ialah mereka bekerja sendiri seperti yang ada di kampung-kampung. Di kampung-kampung bekerja sendiri dan kalau kita beri atau mereka itu menyahut seruan Kerajaan untuk berkhidmat secara sukarela, maka sudah tentu hilang mata pencarian mereka sehari-hari. Dengan yang demikian, dengan adanya undang-undang ini boleh kita memberikan elaun-elaun untuk bekerja selama yang dikehendaki. Dan yang lebih penting sekali ialah supaya mereka itu tidak kehilangan mata pencarian sehari-harinya. Memanglah tujuan kita hendak memberi kursus-kursus kepada mereka ini dan apabila mereka itu menghadiri kursus mereka itu tidak dapat apa-apa, jadi dengan adanya undang-undang ini maka bolehlah kita memberi mereka itu elaun yang setimpal dengan elaun yang diberi kepada badan-badan yang lain. Tetapi jumlah yang hendak diberi akan ditimbangkan sesuai dengan badan-badan yang lain yang menerima bantuan yang serupa. Misalnya, kita berkehendakkan satu pasukan di kampung menjaga kerja-kerja seperti dam ataupun East-West Highway yang mereka itu dibawa daripada orang kampung dan kalau tidak ada undang-undang ini sudah tentu mereka itu tidak

dapat diberi elaun, juga sudah tentu mereka itu susah hendak membantu atau menjaga kehidupan mereka sehari-hari.

Seperti yang saya katakan tadi, saya tidak bercadang hendak memberi satu-persatu hanya saya hendak menerangkan soal definisi Polis Bantuan ini kerana ada yang tersasul sedikit di dalam ruangan Polis biasa. Tetapi walau bagaimanapun, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri mengucapkan ber-banyak terima kasih dengan penghargaan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terhadap tugas Polis biasa, ataupun Polis Bantuan, dan yang lain yang berkaitan dengan keselamatan negara ini. Begitu juga dengan soal pertandingan antara gaji dan elaun yang juga kita tujukan mengikut undang-undang ini iaitu elaun sahaja, bukan gaji.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada apa-apa lagi yang hendak saya jawab kerana Bil itu dengan sendirinya menerangkan dan memberikan hujah-hujah yang membina belaka. Saya akan timbangkan bersama dengan Yang Berhormat Menteri mana yang baik, sudah tentu akan digunakan syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari esok, Selasa, 13hb April, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.